GOBLOG

KOLEKSI TULISAN BLOG
ORANG KECIL

goblog

Koleksi Tulisan Blog Orang Kecil

パパケルマ
papakerma

パパケルマ

papakerma

Papakerma merupakan sebuah record label independen yang tidak mengejar profit. Bertanggungjawab meriliskan zine, buku, kaset, cd dan sebagainya secara sukarela atas inisiatif untuk mempromosi karya-karya independen yang mempunyai kesukaran memasarkan rilisan mereka kepada umum. Papakerma juga meneruskan perjuangan membantu penggiat seni independen dalam menyalurkan idea dan menyediakan ruang untuk mereka berkomunikasi bagi memberi pendedahan serta menarik peminat seni lebih mendekati mereka. Selain mempromosi gaya hidup alternatif, Papakerma tidak mengejar apa-apa kecuali: KEBENARAN. Kerana mendiamkan kesalahan adalah kejahatan.

PP01: Goblog - Koleksi Tulisan Blog Orang Kecil

© Lokman, Izwan, Zaza, Fahmi, Jr, Aiya, Pipi, Keju, Dhani, Atiqah, Kumprinx, Zulfikar & Zaxx.

Hak cipta tidak terpelihara. Sesiapa pun sangat dipersilakan untuk mencetak ulang mana-mana artikel, grafik dan apa jua isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekali pun; sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, analog, digital atau cara lain tanpa perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari penerbit.

Perpustakaan Negara Rakyat Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan.
Goblog
Koleksi Tulisan Blog Orang Kecil
ISBN (Made In Malaysia)
Edisi sulong
Cetakan pertama dan terakhir.
[dicetak pada: 08.08.2006]
[500 naskah Goblog sahaja]

Copyleft © Goblog 2006

Penyelenggara Dhani Ahmad **Pembaca Pruf** Faisal & Nur Zatulitri
Kaver f-code **Susun Atur** Zairi **Artwork** Zaxx & Poodien
Pengantar Hasmi Hashim

Diterbitkan oleh:
Papakerma. 237 Jalan A2, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: info@papakerma.com

Website: www.papakerma.com
Weblog: www.goblog2006.blogdrive.com

Dicetak oleh:
Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
5315-A Jln Sultan Yahya Petra
Peti Surat 150 Lundang
15710 Kota Bharu, Kelantan.

Peringatan:
Jangan pernah percaya pada sesiapa pun. Jangan percaya dengan isi buku ini. Percaya sama diri kamu sendiri dan buatlah buku kamu sendiri.



di dedikasi untuk seluruh pelawan tirani

Kata Pengantar

BERIKAN AKU TUJUH BLOGGER…
Oleh: Hasmi Hashim

Buku ini; Goblog; berat betol, aku baca.

Cuma, semua anak muda mesti mula dengan *hendak*. Kemudian, *talent*. Dan *tahu*. Bukan hendak tiru ~ misalnya beberapa orang yang bikin filem pendek, hendak popular macam Amer Muhammad, tapi, kemudian, ber-*kacai*. Yang tak "ori" memang tak lama. Susut. Ruyup. Sekali lagi, ber-*kacai*!

Ada contoh besar bagaimana masa, duit; habis, tapi tak ada hasil, iaitu, web-web yang puji Mahathir. Beratus ribu ringgit, atau barangkali berjuta ringgit ditabur untuk pertahankan kuasa Dr Mahathir Mohammad dihujung-hujung dia jadi Perdana Menteri. Web itu, semuanya muncul, bukan daripada idea yang "ori," melainkan tiru-tiru daripada web-web pro pembangkang yang cukup banyak seawal Mahathir pecat Anwar.

Sejarah kerancakan orang pakai internet tidak dapat tidak adalah buah rambai Reformasi 1998. Tiba-tiba, banyak sekali laman web yang berasaskan 'reformasi' muncul. Sumber berita terbaik, sekitar bulan September 1998, sampai Mac 2000, adalah, daripada web dan internet, macam *Malaysiakini*, *Mahazalim*, *Mahafiraun*, kemudian lagi, muncul *Kakiseni*, *Agendadaily* dan, uhhh… banyak!

Berkoyan-koyan berita, rencana, dan gambar yang diambil daripada internet, dan difotostat, dan, di bahagi-bahagikan percuma. Termasuk gambar lucah yang didakwa melibatkan seorang seorang anggota kumpulan rap KRU dengan artis mata kuyu. Internet jaring lebar berkembang luar biasa sekali. Dari cerita politik, sampai seks. Kesannya, kerajaan Barisan Nasional (BN) masa itu goyang habis, dan beberapa kerusi tumbang.

Dalam Pilihanraya Umum 1999, Najib Razak (sekarang Timbalan Perdana Menteri) hanya menang dengan majoriti dua ratus lebih sikit. Terengganu tumbang ~ tapi bukan kerana orang menyokong dasar PAS, melainkan simpati kepada kes "mata lebam" Anwar Ibrahim.

Internet sudah jadi semacam samizdat di Russia, yang dibahagikan secara senyap-senyap ketika Komunis berkuasa. Bahkan, juga seperti poster yang mengutuk Mussolini, Hitler, Moa; yang buat poster puji pemimpin yang zalim di negara ini samalah seperti pembikin poster yang puja Mussolini, Hitler, Moa…

Kita, sedikit untung ~ bukan karena BN bagus sangat ~ tetapi karena undang-undang internet antarabangsa yang menjadikan kerajaan negara-negara tidak boleh menyekat penggunaan internet. Inilah revolusi kedua, yang belum habis diperah, sepertimana dahulu, apabila, mesin cetak dicipta… maklumat, ilmu, pun deras.

Maklumat bukan lagi alasan untuk kekal jadi lembu. Sebab itu, anak muda mesti macam-macam. Bukan satu jenis. Kalau satu, itu tanda, tak kena. Misalnya, semuanya pakai baju hitam… apa sudah jadi? Atau, semua pakai topi, macam Mawi… Kalau yang lepak di Bangsar Utama, adakah semua kena pakai cermin mata *old school*? Apa hal?

Aku tak anti anak muda; yang aku menyampah orang sombong, alias, punca bodoh.

Cuma, penyangak tua, ia tahu; paling senang hendak diajak terjun gaong, adalah, kalian: anak muda! Ada dua jenis hasutan, yang lebih bahaya daripada semua ideologi politik, iaitu:

Satu kaum, ajak kalian insaf dan masuk *tarbiyah*.

Ada satu bangsa lagi, ajak kalian jadi jahaman.

Tak banyak yang ajak berfikir, dan pilih jalan sendiri-sendiri, nanti. Bila beban banyak, orang tua akan tuduh anak muda "runtuh moral," atau, "tidak sedar perjuangan dulu-dulu: makan ubi kayu."

Masukkan depan surat khabar, yang, anak-anak muda buat aktiviti maksiat, buat jahat, dengar metal, minum kambing punya darah, sembah hantu, dan buru 'dosa' kalian sampai mereka akan mengesan setiap keping (keping?) kondom tepi padang. Dulu mereka kata ada empat puloh ponjot (ponjot?) kalau tak silap… Itu semua, kalian punya. Mereka kata.

Jadi, bila berat, tak boleh tanggung; ramai pilih duduk rumah. Atau lepak di *cybercafe*. Maka, bermulalah bikin blog. Karena tekanan. Juga, karena sunyi yang cengkam sampai jantung hati. Buka satu akaun ada; ada dua, mungkin, tiga; pakai beberapa alamat, dan nama. Blog adalah satu lagi khayalan, dan, agaknya juga harapan. Ok… tak ada masalah di sana.

Siapa tahan duduk rumah, atau memerap di *cybercafe*. Sesekali keluar pergi Jalan Tungku Abdul Rahman atau Puduraya; konon cari idea, dan, ambil gambar; gambar tasik, atau ayam ketol KFC masa makan dengan kakaseh, atau selipar baru; masukkan dalam blog. Tengok, ramai-ramai. Suka sama sendiri. Ok… tak ada masalah di sana. Puji-puji. Kutuk-kutuk. Sikit-sikit.

Untung-untung ada kekaseh, datang dekat. Kenal dalam internet. Dulu *chatting*. Sekarang *blogging* ~ itu pun ok.

Cuma, buku ini aku baca, berat betol. Tak macam budak muda yang tulis. Ada yang cepat sekali mahu 'insaf', jadi budak baik. Satu jenis lagi, macam budak 'jahat', tapi ayat, macam ayat *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, dulu *Harian Metro*, sekarang *Kosmo!*, atau *The Star*.

Tak kiralah samaada yang tulis bahasa Melayu, atau orang puteh, mutu ayat. Persoalan aku, gaya ayat, tak nampak budak *underground* yang tolong orang yang tak ada rumah; kasi makan. Baca, macam, ayat mat kental baju batek… padahal, suka pakai baju yang tak batek. Macam, baju hitam. Dari luar, macam metal, macam *underground*, tapi, entah kenapa, rupa-rupanya "mat bunga"; bunga tanjung!

Jadi, yang kalian faham apa? Sebab itu, fikir penting. Resah yang otentik itu penting. Bukan yang dibuat-buat, yang ditiru-tiru. Orang

buat sajak; kita buat sajak. Orang bikin filem pendek; kita bikin filem pendek. Orang pergi demontrasi; kita pun join demo. Buat apa? Yang mana demo mesti pergi, yang mana tidak? Mustahil semua demo kita sokong…

Sebab itu, kata aku, corak berfikir dan 'bahasa' dalam otak masih bahasa Utusan, atau bahasa Dewan Bahawa dan Pustaka. Itu belum terkikis. Mungkin banyak sangat baca buku Sasterawan Negara, sampai ayat jadi bunga-bunga: bunga tanjung!

Tak usah bohonglah. Atau pura-pura. Orang tahu.

Sesekali dapat tulisan kata pengantar, ayat… lambung-lambung. Puji-puji penulis buku, macamlah tahun depan, buku ini akan menang Nobel Award. Jadi, itu semua tak penting; yang penting, kita kena sedar, dan, *sedar* hanya boleh capai dengan berfikir. Fikir! Bukan, dengan ikut-ikut. Ikut-ikut tak jadi apa; sudah banyak bukti… kalau tak percaya, aku boleh cerita. Bukan di sini. Kalian hantar email: hasmihashim@yahoo.com.

Nanti aku balas. Nanti kita boleh jumpa. Aku selalu ada di Telawi ~ ada yang kutuk Telawi, tapi, bila bawa Mat Salleh, dia pergi sini juga. Jadi, aku dah fikir, itu semua tak mustahak. Tempat? Apa ada pada tempat? Tulis sahaja email, biar aku cerita *detail*, kalau, kita jumpa.

Tiga belas orang penulis, dalam ini buku, ada macam-macam. Memang. Tapi, kepelbagaian, majmuk, atau istilah yang dibenci Mufti Negeri Perak ialah "pluralis" itu belum betol-betol nampak. Sekarang sudah ada blog. Tiap-tiap orang sudah boleh buka blog sendiri. Dan di sana, boleh jadi dairi, boleh jadi halaman untuk bercinta, kutuk gomen, fitnah orang, tunjuk bagus… apa sahaja.

Aku cuma bayangkan, kalau dahulu, waktu revolusi Perancis, blog tak ada, tapi revolusi jalan juga. Filipina merdeka tak pakai blog, terutama novel "*Noreme Tanggare*" yang Jose Rizal tulis, pun pakai cetak biasa sahaja. Seoharto ditumbangkan bukan dengan blog pada 1998. Dan, pertemuan PAS dengan Mahathir pada 24 Jun lalu berjaya diatur juga bukan dengan blog.

Jadi, apa makna blog. Untuk aku. Untuk kalian. Untuk kita? Untuk apa?

Sebab itu, bukan pasal blog tak blog. Ini pasal idea. Dan, mana boleh ada idea kalau tak fikir. Mana tahu idea itu bagus tak bagus kalau tak bincang ~ ada pula geng kucing kurap yang anti-diskusi, yang hendak *psyko* balek dengan macam-macam cara bila orang bersembang. Dan, sembang tak cukup, kena fikir. Kan, memang fikir itu segala-galanya. Wahyu, esok-esok sudah tidak turun lagi, jadi, yang tinggal, selain *teks*, adalah akal. Buat apa baju hitam berambut panjang, berseluar *yankee*, tapi, *dobo!

Selepas itu baru boleh cerita politik. Aku memang suka "politik" sebab, makna politik yang paling asas adalah; apabila seorang manusia jumpa manusia yang lain. Di sana, politik pun bermula. Dan, politik juga bermakna, bila satu tulisan dibaca orang satu orang lain ~ politik pun boleh bermula begitu. Sesederhana itu. Jujur-tak-jujur, tindas-tak-tindas, ia, boleh bermula di sana.

Inilah sisi *gothic* Reformasi 1998. Belom kuat betol untuk lawan dan memuncolkan satu *force* yang berasaskan analisa dan pemikiran, yang, cukup-cukup sedar. Tentang apa yang ditentang itu (?). Apa yang dilawan-lawankan sangat itu (?).

Apapun, sudah beberapa buku dari blog yang aku baca, dan semuanya ada bau anti pemerintah yang jahat. Empat lima buah sama sahaja. Perkembangan yang baik juga. Cuma, tak lama lagi, berjuta-juta ringgit akan ditabur, termasuk barangkali oleh DBP untuk upah empat-lima orang untuk buat blog juga, dan kemudiannya buat buku. Isinya, tak kritis langsung, dan, tak lebih daripada puji-puji gomen ~ samalah macam beberapa laman web yang muncul sebab nak tiru web yang menentang kerajaan.

DBP, macam biasa, akan kasi anugerah khas dalam kategori baru yang akan diwujudkan oleh buku-buku yang dicetak daripada blog. Maka, pembodohan pun bermula…

Kita boleh belajar daripada keadaan ini, dengan mana, yang tak ada idea, akan tak pergi jauh, dan, tak lebih daripada jadi hamba. Anak muda, dalam apa keadaan sekalipun, mesti elak diri, dari jadi hamba, kerana, hanya hamba yang paling senang kena tunggang! Tunggang-langgang. Titek.

Blog, kena menarik, jangan syok sama sendiri, macam beratus *zine underground* yang aku tengok ~ tak larat baca. Jadi, aku percaya sangat-sangat, dengan blog, apa pun boleh gegar. Seperti kata Seokarno, *berikan aku tujuh pemuda, maka, aku gegar seluruh dunia*.

Di sana, ada khayalan yang luar biasa…

5 Julai 2006 / 8 Jamadil Akhir 1427
http://sultankata.blogspot.com
Semerah Pekan, Batu Pahat.

* Maknanya bodoh sepertimana dipetik dalam filem "*Dari Jemapoh ke Manchestee*" arahan Hishamudin Rais.

Pendahuluan

1. Akhirnya GOBLOG berada di tangan anda. GOBLOG merupakan sebuah buku koleksi tulisan blog oleh 13 orang penulis bebas weblog. Buku yang tercipta hasil inisiatif 13 orang penulis yang terdiri daripada anak muda yang rata-ratanya masih bergelar pelajar. 13 anak muda yang datang dari latar belakang politik yang berbeza; namun mempunyai minat yang sama.

2. Idea asal menerbitkan buku ini tercetus setelah saya merasakan: sudah sampai masanya untuk zine dibaca oleh semua golongan masyarakat. Mungkin ramai yang tidak tahu apa itu zine. Secara asasnya, zine merupakan buku yang dikeluarkan sendiri oleh penulisnya. Bermula dari proses menulis isi zine, mereka-letak [lay-out] zine, mencetak zine, mengiklan dan mempromosi zine, sehinggalah kepada proses memfotostat dan mengedarkan zine tersebut. Semua proses-proses ini dilakukan sendiri oleh pembuat zine dengan kudrat dan inisiatif masing-masing. Membuat zine sebetulnya bukan suatu perkara remeh. Ianya soal: KEBEBASAN.

"selama ini, zine hanya popular dikalangan komunitas punk/hardcore, tapi tidak di publik yang lebih luas, sementara sebenarnya secara karakteristik, tak ada beza antara zine yang biasa diedarkan oleh anak-anak punk/hardcore dengan buletin-buletin Jumaat di masjid-masjid" – anonymous

3. Weblog merupakan medium penulisan terkini. Semakin hari semakin ramai penulis weblog yang muncul. Ini kerana, untuk membina weblog adalah sangat mudah. Malah untuk mengemaskini juga mudah. Kebanyakan penulis blog akan menulis apa saja yang mereka rasakan perlu untuk dikongsi baca bersama teman-teman. Dan kebanyakan mereka menulis tentang kehidupan seharian mereka. Penulisan tentang kehidupan peribadi. Hidup adalah perjuangan mencari diri sendiri. Ya! Ini yang saya mahukan untuk GOBLOG.

4. Hidup adalah pilihan. Mahu pilih senang atau susah? Mahu pilih kiri atau kanan? Mahu pilih kerajaan atau pembangkang? Mahu mengundi atau tidak? Mahu pilih sosialis, anarkis, komunis, nihilis atau kapitalis? Mahu ke syurga atau ke neraka? Ya, hidup adalah hal yang berkenaan dengan memilih. Makanya, saya memilih untuk meriliskan buku ini secara DIY (Do It Yourself).

5. Kenapa DIY? Kerana DIY mengembalikan autonomi kepada kita. Segala keputusan terletak ditangan kita. Dan untuk hal berkenaan dengan kerja-kerja kolektivisme yang berdasarkan prinsip DIY sama sekali menafikan sistem hierarki. Terhapusnya hierarki maka setiap keputusan akan dibuat secara konsensus. Konsensus bererti setiap individu memiliki hak untuk mengutarakan pendapat dalam membuat keputusan. Dan sememangnya keputusan diambil berdasarkan kesepakatan bersama. Ini yang saya lakukan di GOBLOG sebermulanya idea untuk melahirkan GOBLOG ini tercetus.

"dengan tidak ada hierarki, mereka lebih berinisiatif untuk mengambil keputusan tanpa menunggu perintah dari atasan" – Rama Wirawan

6. GOBLOG sememangnya mengekalkan tulisan asal sepertimana para penulis menulis artikel di weblog mereka. Jadi, segala kesalahan ejaan, kesalahan tatabahasa, kesalahan struktur ayat dan apa jua kesalahan yang terdapat dalam buku ini sememangnya disengajakan. Pastinya terlalu formal itu kadang-kadang agak membosankan. Jadi, santai aja dong! :)

7. Mungkin ada yang kecewa dengan isi buku ini. Mungkin juga ada yang tersenyum puas setelah membaca buku ini. Saya bercakap tentang "mungkin". Jadi, kenapa harus takut untuk mencuba sesuatu yang mungkin merubah dunia? Yang pasti buku ini bukan novel cinta yang selalu kamu baca. Bukan juga buku politik yang sarat dengan idea-idea pencerahan. Buku ini adalah suara-suara orang kecil yang langsung tidak pernah mendapat didikan khusus tentang tatacara menulis artikel dengan betul. Kami cuma orang kecil yang tahu menulis. Dan mahu menulis. Kerana itu kami menulis.

8. Buku ini terbit untuk mengumumkan bahawasanya tanpa disedari di bumi Malaysia kita telah wujud gerakan generasi muda yang cuba meraih kemenangan hidup dengan cara tersendiri. Generasi muda yang percaya bahawasanya kapitalisme adalah punca vital yang menyebabkan kemusnahan di muka bumi. Generasi muda yang percaya dunia ini akan aman dan lebih indah jika manusia rasis, fasis, seksis, elitis dan _____is (tambah sendiri apa jua idealogi busuk yang akan menghancurkan umat manusia) tidak wujud di alam raya ini. Generasi muda ini mengamalkan kesamarataan dan kesederhanaan hidup. Dan generasi muda itu adalah kami.

"sistem dalam masyarakatlah yang melahirkan politikus boyot, pemimpin korup, pegawai tamak dan peniaga rakus. Maka sistemlah yang harus diperbetulkan" – Allahyarham Usman Awang.

9. Di ruang ini saya mencuri kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan buku ini. Terima kasih kepada keluarga Papakerma (Nazier. Dean. Faisal. Novianto), Hasmi Hashim, Fathi Aris Omar, Nur Zatulitri, Basri, Dr Irwan, Ruhayat X, f-code, Poodien dan Zairi. Tidak dilupakan juga kepada semua penulis dan kepada teman-teman yang banyak membantu. Terima kasih kepada anda juga. Untuk sebarang komunikasi sila lawat kami di www.goblog2006.blogdrive.com atau kunjungi weblog penulis masing-masing.

Sang Penyelenggara;
[Dhani Ahmad]



Daftar Isi

Bab Lokman 1
Bab Izwan 15
Bab Zaza 28
Bab Fahmi 40
Bab Jr 50
Bab Aiya 60
Bab Pipi 67
Bab Keju 79
Bab Dhani 91
Bab Atikah 102
Bab Kumprinx 114
Bab Zulfikar 136
Bab Zaxx 147

BAB LOKMAN

GUA CAYA SAMA LU!
"Bola, Lembu, Mi Segera dan Kuman"

Sedang gua duduk-duduk melepak dengan member-member gua sambil minum teh tarik dan roti canai terhidang depan mata, datang seorang buta merangkap peminta sedekah dipimpin seorang anak gadis pingitan dalam usia belasan tahun menghulurkan tisu kat gua dengan harapan dihulur barang seringgit dua.

"Ah! Balik-balik muka mamat ni. Semalam gua lepak sini muka dia, hari ni pun muka dia lagi. Memang dasar peminta sedekah!" Gua mengomel sendirian dalam hati. Gua seluk saku gua. Kalau tak dihulur, maunya dia orang lepak kat sebelah gua sampai pagi besok. Gua seluk saku gua dalam-dalam. Tersembul not hijau sehelai. "Banyak sangat ni" Fikir gua.

Gua seluk lagi saku gua dalam-dalam. Dapat pulak syiling dua puluh sen. Dengan muka kelat gua pun hulur dua puluh sen kat peminta sedekah tadi. "Terima kasih nak" Si peminta sedekah berlalu mencari rezeki di meja sebelah. "Sama-sama" Gua jawab dengan muka yang

tak berapa nak ikhlas. "Gua rasa collection dia orang mesti sampai ratus-ratus satu malam. Sindiket mana la yang bawak dia orang kat sini" Gua mengomel sendirian lagi. Pelik jugak gua; setakat nak keluar RM3.60 untuk sebungkus rokok Marlboro'10, tak pernah pulak gua berkira. Padahal gua tau yang si Phillip Morris tu antara bapak kapitalis dan penyokong tegar yahudi laknat. Tak pun keluar RM50-RM100 buat belanja awek jalan-jalan, tengok wayang, makan kat McDonald... Takde hal punya! Tambah pulak kalau awek muka cun macam Nora Danish... Cair Beb! Silap hari boleh tergadai motor Kriss warna hitam yang gua baru beli hari tu.

Tapi nak hulur seringgit dua kat peminta sedekah tadi yang tak tau lagi makan-minumnya macam mana; punya la liat! Silap haribulan dah dua-tiga hari dia orang tak makan. Tak kisah la betul ke tidak dia orang tu peminta sedekah, dia orang tu penipu ke, jahat ke... yang penting kita ikhlas. Dapat pahala apa! Celaka betul gua!

Member-member gua sibuk cerita hal politik. Pasal menteri tu la, menteri ni la... Gua buat tak tau je! Gua bukannya minat pasal benda tu semua. Pada gua, semua masalah dan kesengsaraan yang berlaku kat sekeliling gua sebab politik la. Politik bagi gua terlalu kotor. Lebih kotor dari Sungai Kelang, lebih kotor dari lorong-lorong gelap Chow Kit, lebih kotor dari duduk rumah sorang-sorang sambil tengok vcd porno dan mungkin juga lebih kotor dari diri gua yang hina ni. Tapi gua takde la sampai merestui perjuangan *anarkis*. Gua takde la sampai begitu *ekstrim.*

Tapi bila gua fikir balik, takkan gua nak jadi orang bodoh. Tak nak ambik tahu satu benda pun pasal politik yang berlaku kat sekeliling gua. Tak kan gua nak jadi dungu? Tuli? Rela ditindas? Tak kan gua nak jadi lembu yang mengikut saja tali yang mencengkam hidung? Takut melawan nanti kena sebat dengan cemati. Takut melawan, nanti tuan punya lembu gertak ambik balik rumput hijau yang dah siap dipotong dan terhidang depan mata. Padahal banyak lagi rumput yang sedap-sedap kat luar sana. Celaka punya lembu!

Bosan dengar member-member cerita hal politik, gua ambik suratk habar kat meja sebelah. Terus gua selak ruangan hiburan. Malas

gua nak tengok ruangan lain. Tak habis-habis pasal tsunami, konflik palestin, orang mati kena bunuh, orang mati kena langgar, orang mati kena rogol... Takde cerita lain ke? Bosan gua! Nak tengok ruangan sukan pun gua malas. Hati gua masih terluka dengan kekalahan skuad bola sepak Malaysia dengan Indonesia masa Piala Tiger hari tu. Geram betul gua! Main bola tiap-tiap hari, tapi *passing* bola pun tak reti! Baik bagi gua main! Tapi seingat gua; masa Malaysia menang hari tu, gua la yang paling kecoh satu kampung; terkinja-kinja macam baru lepas kena tegur dengan Annahita! Celaka punya bola!

Gua selak lagi ruangan hiburan helaian demi helaian. Gua nampak muka Zahid Akedemi Fantasia II penuh satu muka surat. Menyampah betul gua tengok. Ada ke patut artis mi segera macam ni yang diagung-agungkan? Padahal insan seni yang dah berbelas tahun bergelumang dengan pahit-maung dunia seni,ditipu, dikapur... takda sapa nak ambil peduli! Tapi seingat gua, masa Zarina Akedemi Fantasia II kena undi keluar hari tu, gua la yang macam nak menangis satu tong. Celaka punya mi segera!

Habis baca, gua campak surat khabar ke tepi. Tiba-tiba gua perasan ada sorang mamat duduk kat meja hujung. Gua rasa gua kenal mamat ni. Tak lain tak bukan, member gua satu kelas dulu. Gua dengar mamat ni ada masalah sikit. Gua dengar dia ni ada *attitude problem*. Itu pun gua dengar orang cakap la. Tak tau la betul ke tidak. Tapi gua pun ada jugak rasa menyampah dengan mamat ni. Gua pun malas nak pegi tegur dia sebab gua pun bukannya rapat sangat dengan dia. Tapi gua rasa mamat ni la yang banyak tolong gua dulu. Tolong fotostat nota untuk gua, bagi gua pinjam nota, pinjam duit... Banyak jasa mamat ni kat gua. Tapi adat la manusia "Kuman seberang laut nampak, gajah depan mata buat tak tahu!" Macam gua jugak! Celaka punya kuman!

Dah la, gua dah letih. Gua nak balik mandi. Badan gua rasa lekit. Tak kisah la kalau orang cakap gua ni kalau mandi ke, tak mandi ke... tetap macam tu jugak! Gua bukannye reti nak smart macam Encik Nazim, stail macam Encik Basir, macho macam Prof. Darbi ataupun hensem macam Encik Adlan. Gua masih setia dengan rambut gua yang serabai, t-shirt pasar malam dan selipar Jepun gua walaupun gua tau Pak Guard

memang suka orang macam gua. Yang penting gua selesa dengan penampilan gua. Tak kisah la pakaian gua smart ke tidak; janji bersih dan boleh bawak sembahyang. Kalau gua smart pun, bukannye si Nora Danish tu nak kat gua. Lantak la apa orang nak kata, GUA PEDULI APA!

Yang Benar,
-Kaki Pukul-
Gua? Gua! Lu? Lu!

*artikel yang pada asalnya ditulis sekitar november 2004 untuk publikasi newsletter tempat gua belajar tetapi direject tanpa belas kasihan hehe…

* * *

YOU'RE MY FAVOURITE THING

You guys might be wondering why sometimes gua tulis dalam english, dan sometimes dalam BM. Gua pun tak tau la. Just that kadang-kadang tu apa yang gua nak sampaikan tu akan lebih direct dan sharp kalau tulis dalam BM. Or maybe not? Who cares...

So bila duduk kampung ni, banyak la benda yang gua boleh buat; benda-benda yang selama ni gua tinggalkan sebab terlampau sibuk dengan kawan-kawan, flirting dengan awek-awek (walaupun tak pernahnye ada awek), dan mungkin juga sebab sibuk dengan study gua (mungkin tidak...)

Bila duduk kampung, dapat la gua tengok tv sampai pengsan, tido sampai petang, makan banyak-banyak, menulis sampai tak cukup kertas + dakwat pen habis dan juga... mendengar radio.

Pada hakikatnya gua bukan la suka sangat dengar radio sebab bagi gua semua lagu kat radio tu "sepesen" je. Dah tu lagu dia asyik-asyik pasal "saya cinta awak/awak cinta saya/saya rindukan awak/awak rindukan saya..." Meleleh beb! Geli gua! Still gua dengar jugak radio. Ye la, nak jugak tau lagu ape yang tengah top dikalangan awek-awek sekarang. Boleh jugak buat modal nak "ayat" awek ye tak? hehe…

So tadi gua pun bukak la Radio Era rentak muzik terkini. Bila gua bukak aje, tengah ada rancangan Carta Era ke ape kejadahnye. Korang yang selalu dengar Era tau la kot? Tak silap gua, lagu yang paling kerap dipilih pendengar akan dapat no 1. Camtu la lebih kurang.

Tup-tup, lagu Peterpan yang betajuk "mungkin bila nanti" dapat no 1. Agakdah...Sebelumhabisrancangan Carta Era ni, DJ diacakap "Teruskan mengundi lagu pilihan anda. Andalah yang akan menentukan siapa yang popular dan bakal menjadi juara pada minggu hadapan!"

Hek eleh!

Radio Era ni ingat gua ni bodoh ke hape? Mentang-mentang la diaorang ni "Big brother", radio yang boleh dikatakan semua orang dengar... Yang menentukan apa yang popular ke tak popular, Radio Era ni la!

Gua bukan la ada perasaan dengki ke, jeles ke terhadap sesapa. Gua pun akui Peterpan ni band yang bagus walaupun masih lagi pada tahap picisan; tapi kalo dah main lagu Peterpan ni sampai 100 kali sehari, mesti la popular! Kalau lagu William Hung (yang masih tak sedar bahawa dia sedang diperbodoh-bodohkan + dipergunakan oleh para kapitalis dalam industri muzik ni unuk keuntungan mereka) dimainkan kata radio sampai rosak CD, confrim dapat no 1! Gua percaya Peterpan ni bila tiba masanye orang akan bosan dengan mereka dan mereka akan menjadi artis "sell-out". Cuba tanya Sheila on 7...

Seperti juga the so-called artis dari Akedemi Fantasia dan yang sewaktu dengannya... Stail dia sama walaupun medium yang digunakan untuk "mempopularkan" mereka ni berlainan... Kesannye? Tengok la sendiri...

Gua ada terbaca dalam surat khabar pasal ada orang komplen bila satu lagu ni yanag dinyanyikan oleh DJ-DJ radio Era ni dapat no 1 dalam carta Era walaupun pada hakikatnya suara diaorang macam kucing nak terberanak. Sebab ape diaorang dapat no 1? Pikir sendiri la...

Attitude macam ni la yang membuatkan pemikiran para pendengar muzik kat Malaysia menjadi jumud yang seterusnya akan memberi kesan kepada taste, minat, kualiti dan appreciation mereka kepada sesuatu bentuk muzik. Lepas tu baru la sibuk tanya kenapa industri muzik kita ni susah sangat nak berkembang subur dan mula la menyalahkan lanun cetak rompak...

Nak tau sebab ape susah nak bekembang? Sebab diaorang la! Pada para pendengar ni sume, popular itu bagus... Pegi mampus! Dah la, kalau dilayan perasaan gua ni, sampai esok pun tak habis. Gua pun nak pegi kedai kejap, nak pegi beli kaset Peterpan.

* * *

SPEAKING EVERY OTHER WAY
"Uncertainty has affected me
Made me crazy, made me lose my head
Vaguely remember what had been said
I can't seem to move ahead"

Salah satu rangkap lagu *"Lost in Transition"* daripada band emo-rock(?) Singapura, *My Precious* yang selalu terngiang-ngiang di telinga gua.

Perasaan teragak-agak dalam melakukan sesuatu perkara selalu menghantui gua. Because of it, gua selalu terlepas something or anything that may (or defintely) bring a lot of meaning to my pathetic-sorry-arse life.

How?

Remember the times when you were in a shop and you have an eye for this one cool shirt. In the meantime, there are like hundreds of shops you haven't browse through.
You would go

"*Nah, i better look around. Maybe i'll found a "cool-er" shirt*

As you couldn't find that 'cool-er" shirt, you went back to the shop just to find that the shirt has been sold and you would go berserk over it!

Sigh... This is one lame example...

Ok, another example

Let say you have this one article. You wrote that article and you were so proud of it. You would read it thousands of time.

One day, you have this thought

"Why don't i send this article to the local publishers, maybe they will be kind enough to publish it"

Before you do that, you came across another article which you thought were so much better than yours. The thought strike you again

"Nah i better not do so. I bet there are a lot more cool-er article out there waiting to be publish"

And by the time, you end up throwing your soon-to-be-masterpiece article into the dustbin.

It happened to me...

Perasaan teragak-agak gua menjadikan gua skeptikal(?) tentang apa saja yang berada di sekililing gua. Gua akan sentiasa meletakkan satu macam ketakutan terhadap diri gua. Gua akan membebankan diri gua dengan persoalan dan pertanyaan yang kebanyakannya adalah sampah...

I would go

"Boleh ke?"

Gua masih ingat time gua dapat offer untuk study law. It will take me 4 and a half years burning my arse off. Tak pernah terlintas kat kepala otak gua nak ambik law sebab dalam borang UPU, course yang gua apply berkaitan dengan Art and Design.
But then... Whatdaheck?!

Cuba lu bayangkan kalau gua ikutkan sangat mentaliti gua yang selalu teragak-agak ni. Kemungkinan besar sekarang gua tengah berpeluh basuh pinggan kat Hospital Besar Kuala Pilah atau pun tengah menyusun komponen elektronik dekat kilang Samsung di Seremban.

Bak kata Angelica dalam siri kartun Rugrats
"If you have to ask, then you will never know"

Then there was this one guy who were the guest for Wanita Hari Ini talkshow. He said
"Kita tak boleh sentiasa berada dalam keadaan teragak-agak. Kita mesti keluar dan merasa keadaan itu"

Which make me end up writing this crap... And yah, uncertainty still affect me. In what way? When it involve girls...

* * *

WAITING FOR THE COMMUNIST CALL
Pernah tak terlintas kat kepala otak korang bahawa segala yang berlaku ke atas seorang manusia itu ditentukan oleh taraf ekonomi individu itu sendiri; in simpler term, banyak mana duit yang dia ada.

Gua bukanlah bermaksud hendak menentang ketentuan Tuhan, qada dan qadar ataupun mengiyakan hujah Karl Marx di dalam *Das Kapital*; tidak sama sekali. Ini cuma sebagai borak-borak kosong di hari yang ceria. Tidak lebih dari itu. Kalau korang nak discuss lebih lanjut; gua bukanlah orang yang selayaknya untuk dibawa berbincang.

Berbalik kepada topik asal; contoh yang paling simple boleh gua bagi; katakanlah gua seorang lawyer yang berjaya dengan gaji RM16 000

sebulan dan memandu kereta Mercedes Benz model terbaru. Syik pula hanyalah seorang cikgu sekolah rendah dengan pendapatan RM1500 sebulan dan hanya mampu memandu kereta kancil.

Katakanlah gua dan Syik terlibat dalam kemalangan; let say dirempuh lori treler 16 tayar. Korang rasa siapa yang akan mati? Gua pasti ramai yang akan berkata Syik yang akan mati. Kenapa? Sebab Syik memandu kereta kancil yang terkenal dengan ketidak-tahanannya berbanding Mercedes Benz.

Kenapa Syik memandu kereta kancil? Kerana tahap kewangannya tidak memungkinkan dia memiliki Mercedes Benz. Mungkinkah Syik akan terselamat jika dia memandu Mercedes Benz?

Dalam soal jodoh pula; katakanlah gua seorang lawyer yang berjaya dengan gaji RM16 000 sebulan dan memandu kereta Mercedes Benz model terbaru, kemungkinan untuk gua mengahwini wanita cantik seperti Norjuma Habib adalah lebih cerah berbanding si Akhdan yang hanya bekerja sebagai Graphic Designer picisan dengan gaji sebanyak RM1500 sebulan. Bolehkah si Akhdan mengahwini Norjuma? Mungkin dalam kisah dongeng Cinderella...

Begitu juga halnya dalam isu 'Rokok'. Katakanlah gua seorang lawyer yang berjaya dengan gaji RM16 000 sebulan dan memandu kereta Mercedes Benz model terbaru; gua mampu mebeli Marlboro '20 setiap hari manakala Keju yang hanya bekerja sebagai Engineer Kelas B hanya mampu membeli Pall Mall '10. Kemungkinan untuk gua menghidap kanser paru-paru adalah lebih cerah berbanding Keju kerana gua hisap rokok lebih banyak dari Keju.

Dan hari ni; Katakanlah gua seorang lawyer yang berjaya dengan gaji RM16 000 sebulan dan memandu kereta Mercedes Benz model terbaru; tentu gua tiada masalah untuk mengeluarkan RM50 untuk membeli tiket konsert Dewa dan menonton konsert Dewa malam ni uhuk...uhuk..uhuk...

* * *

KONTAMINASI SUKMA RAGA

Termanggu dan terpaku
Terasak dan direntap

Mengapa obor cinta senang saja malap
Ditiup cakap-cakap orang?

Bukankah hati telah ditetap?
Bukankah mulut telah bicara?
Sedangkan lautan api bisa saja ku redah
Inikan pula titis-titis hujan...

Gua agak kaget juga kerana kebelakangan ini, gua tidak tau kenapa, gua begitu asyik bebeno dengan minat baru gua yang tak berapa baru sangat; iaitu menulis puisi. Ini telah sedikit sebanyak melalaikan gua dalam menelah buku-buku pelajaran tapi gua takde la risau sangat kerana pada hakikatnya gua pun hanya akan start baca buku bila ada test atau exam sahaja hehe.

Dan 2-3 hari ni, gua asyik mengepit buku puisi W.S Rendra yang dipinjamkan oleh seorang rakan. Ada juga suara-suara yang mengejek dan memperli gua tapi biasa la, manusia, tak akan aman hidupnya kalau tak dapat jaga tepi kain orang betul tak? Papehal pun, agak ghairah juga gua membaca puisi-puisi Rendra hinggakan di dalam kelas pun masih lagi gua berkesempatan untuk curi-curi membaca buku puisinya.

Sebelum ini gua tidak berapa indulge dalam menulis puisi kerana gua berpendapat gua tidak mempunyai roots dan pengetahuan yang kukuh dalam menulis puisi dan bilamana gua cuba menulis puisi, puisi gua akan menjadi terlampau jiwang karat atau terlalu poyo untuk dihadam.

Selain posting di dalam blog, gua ada juga menunjukkan beberapa naskah puisi gua kepada rakan-rakan untuk dinilai dan dikritik dan seperti biasa ada sajalah kutukan yang didengar tapi gua peduli ape hahaha.. Rakan gua ada mengatakan orang kebanyakan (bukanlah bermaksud puisi hanya untuk golongan elit sahaja) hanya akan

merasa puisi itu indah bila puisi itu ditulis untuk dirinya contohnya seperti seorang teman lelaki menulis puisi untuk kekasihnya. Gua hanya tersenyum sinis kerana ada juga benarnya tapi tak kisahlah, puisi hanya buat mereka yang mengerti. Asalkan diaorang bahagia sudah!

Basically, gua lebih gemar membaca puisi daripada menulis puisi. gua tak dapat nafikan sumber pembacaan gua agak limited dan gua memang tak ubah seperti orang-orang melayu lain yang pada hakikatnya memanglah malas membaca buku kecuali majalah-majalah hiburan. Tapi ini tidak pula menghalang gua untuk turut memuja para pemuisi-pemuisi nusantara dan timur tengah serta beberapa orang penulis puisi dari barat.

Antaranya beberapa orang penulis yang karyanya tidak dinafikan boleh diangkat malah telah diiktiraf sebagai karya agung seperti Chairil Anwar, Kahlil Gibran, A. Latif Mohiden, Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail (sekadar menyebut beberapa nama sahaja) dan gua rasa ramai lagi penulis puisi di luar sana yang hebat-hebat belaka dan menunggu masa saja untuk gua kenali dan puja. Cewah!

Gua rasa jika seseorang itu betul-betul meminati puisi dan menganggapnya lebih dari sekadar kata-kata indah (dan mungkin juga memeningkan) gua pasti pengalaman menulis puisi atau poem akan menjadi satu pengalaman yang amat mengasyikkan dan kadangkala boleh membuat seseorang itu tenggelam dalam khayalannya sendiri. Gua ada terdengar perlian yang mengatakan penulis puisi ini cuma tahu berkhayal dan berangan-angan. Gua tak nafikan ada juga benarnya tetapi bukankah setiap khayalan dan angan-angan itu pada hakikatnya berkehendakkan realiti juga?

Jika hendak dibandingkan dengan penulisan artikel biasa dengan penulisan puisi, gua rasa buat masa sekarang, gua lebih gemar menulis puisi. Jika gua menulis seperti menulis untuk posting blog gua contohnya, gua rasa gua lebih mudah ditelanjangi kerana ianya terlampau straight forward tanpa perlu bersusah payah untuk difahami kerana pada pandangan gua tujuan menulis pun adalah untuk menyampaikan buah pikiran secara terus kepada

pembacanya (agaknye la..) dan hanya certain type of writings sahaja seperti penulis politik, falsafah etc... yang bertujuan memprovokasi minda; sementara puisi pula adalah something yang lebih personal dan memerlukan seseorang itu berfikir lebih mendalam untuk menyelongkar setiap lapisan demi lapisan untuk sampai ke maksud sebenar yang dimaksudkan oleh penulis sama ada rasa cinta, kemarahan, keremukan, putus asa, ketidakpuashatian atau apa saja. Pada gua mendalami puisi adalah seperti mendalami isi hati si penulis. Pada pendapat gua juga, untuk mendalami puisi adalah seperti melakukan hubungan seks dan ini tidak pula bermaksud gua pernah melakukan hubungan seks hehe.. Maybe not now ;p

Ape-ape pun gua rasa disebalik semuanya, sebab utama gua begitu asyik menulis puisi adalah disebabkan situasi gua sekarang yang masih mengharapkan cinta dari seorang perempuan yang masih dalam kesamaran lagi hehe...

Tapi tak kisah la, yang penting kalau kita mahu dicintai, perlulah kita terlebih dahulu mencintai ye tak?

Este Donde!

* * *

DID I SAY THAT I LOVE YOU?

Orang selalu berkata separuh benar. Jarang sekali dapat berjumpa seorang manusia yang betul-betul jujur dalam setiap pertuturannya. Memang mereka tidak menipu, tetapi maksud sebenar disebalik kata-kata mereka itu selalu diselindungkan. Mungkin faktor yang menyumbang kepada tabiat ini adalah seperti untuk menjaga hati seseorang ataupun untuk menutup kekurangan diri sendiri supaya tidak berasa malu ataupun dimalukan apabila berdepan dengan orang lain.

Seorang rakan mengadu: *"saya selalu bergaduh dengan teman wanita saya"*

Tetapi apa yang gua dengar: "*saya sudah bosan dengan teman wanita*

saya"

Ataupun bila seorang rakan dalam keadaan marah berkata: "*teman lelaki saya menipu saya!"*

Yang gua dengar: *"saya telah diperdaya"*

Daripada menanggung malu apabila tidak dapat menjawab sesuatu soalan, seorang profesor mungkin akan berkata: *"pembacaan saya terlalu khusus, saya lebih mendalami topik ini dan topik itu"*

Begitu juga apabila seorang pelajar bersikap acuh tak acuh mengenai markah ujian akhir tahunnya yang rendah dan lebih mengkambing hitamkan "*minat*" sebagai faktor kepada markahnya yang rendah.

Kalau lu tanya gua pun apa yang gua cuba sampaikan sebenarnya dalam blog gua ni sudah tentu gua akan menjawab: *"ianya sesuatu yang amat mendalam dan sukar difahami manusia biasa"*

Yang sebetulnya: *"gua sendiri pun tidak tahu apa yang gua tulis!"*

Kah! Kah! Kah! (tawa seorang pujangga)

* * *



POSTER ARTWORK FOR JERITAN BATINKU NEWSLETTER DONEBY JERA ISSUE NUMBER 3.

BAB IZWAN

PENAT LELAH PALING PENGHABISAN

Hari ini adalah hari aku menamatkan profesyen aku sebagai pekerja kilang. Cukuplah 2 bulan setengah, aku tak sanggup lagi berada di 'rumah penyembelihan' itu lagi. Tenaga aku 'disembelih' supaya hajat si Botak(boss keparat) dapat direlisasikan. Cukuplah bagi telinga aku menjamu selera dengan pekik lolong orang atasan mengerahkan pekerja-pekerja membanting tulang empat kerat mereka.

Kegembiraan jelas terpapar. Sudah tentu hari-hari mendatang membuahkan kuntum senyuman apabila bangkit dari tidur, tiada siapa yang ingin mengherdik jika aku ingin bermalas-malasan.

Jelas sekali bekerja di bawah orang atasan cukup menyebalkan. Pekerja-pekerja sudah semakin kreatif mencipta ayat-ayat memaki hamun. Tulisan-tulisan di dinding tandas silih bertambah dengan perkataan-perkataan 'memuji' si Botak. Tapi sampai bila mahu bekerja? Mahu bertahan hidup sementara roh belum terlepas dari jasad. Tidakkah teringin untuk mempelbagaikan lagi babak-babak dalam skrip kehidupan kita? Coba lari dari hidup yang monoton.

Yang nyata kita berada dalam arus sistematika kematian. Kojolnya kita bersistem. Sekolah, kerja, kahwin, romen, dapat anak, bayar itu, bayar ini, hutang sana hutang sini dan terus mati. Semua orang macam itu. Lahir hidup cuma untuk bernafas. Entahlah. Yang penting, aku meraikan pemergian aku dari kilang itu dengan Roti Nan Ayam Tandori satu set. Waduh lumayan nih.

* * *

INI BUKU SAYA… JANGAN CURI!!!

Kepandaian apa yang aku peroleh dari bilik kecil ini? Kerusi yang aku labuhkan punggung pon tak pernah panas barang seminit dua. Cuma tilam yang separa empuk ini menjadi tempat untuk aku bermalas–malasan hingga lupa untuk bersolat. Bahan bacaan pula cukup sedikit dan cukup picisan. Cuma buku Panduan Menterjemah karya Ainon Ahmad sahaja yang terdapat di atas meja yang bersepah ini. Tak tahu pula aku dari mana datangnya motivasi untuk aku membaca. Kalau dulu aku selalu baca komik dan surat khabar bahagian sukan. Sekarang nafsu untuk membaca membuak-buak. Malangnya aku bukan seorang yang punya uang yang banyak. Hendak masuk ke tandas pun mintak kawan dua puluh sen.

Mujur sekarang aku masuk USM. Aku bergelar mahasiswa. Tapi takde orang yang panggil aku macam tuh. Orang suka panggil student aje. Same macam kat matrik dengan sekolah menengah. Takde istimewanya. Library sudah menjadi tempat yang selalu aku kunjungi. Aku datang ke sini sama ada untuk belajar, buat assignment, main internet dan tido. Cuma yang aku tak pernah buat kat library nih ialah bertemu janji dengan seorang gadis. 90% kegiatan aku kat sini ialah membaca. Aku cukup berpuas hati dengan library USM nih. Buku banyak gile. Banyak topic yang boleh kita cari dan selidiki. Kadang–kadang kepala aku jadi pening bila banyak buku.

Kunjungan aku ke library selalunya tidak berteman. Aku seorang-seorang. Tiap –tiap hari. Bukan tujuan aku untuk menujukkan kepada gadis-gadis USM bahawa aku seorang yang rajin. Tapi selalu jugaklah aku terdengar sekumpulan gadis-gadis berbisik bisik riang. Diorang cakap pasal aku. Antara perbualan yang dapat aku tangkap ialah.:

"Rajinnya mamat sorang nih selalu sangat aku nampak die pergi library. Boyfriend aku kalau waktu-waktu macam nih mesti tengah tidur. Bestlah sape jadik makwe die."

"Eleh,die nih bukannnya bace buku.Selalu sangat aku nampak die tidur kat belakang sane."

"Comel jugak mamat sorang nih"

Sekarang aku lagi membaca karya karya Pramoedya Ananta Toer. Selepas si Akhdan Suara Anak Muda Cakap pasal si Pram nih aku terus korek semua pasal mamat nih. Ternyata library USM nih ade simpan karya karya beliau. Banyak plak tuh. Buku-buku yang aku telah baca ialah Keluarga Gerilya dan Bumi Manusia. Waduh seru banget deh!!! Keluarga Gerilya menceritakan tentang keluarga pada zaman penjajahan kat Indon dulu. Bagaimana menderitanya mereka dipaparkan dalam novel ini. Tiada uang dijualnya satu-satunya baju untuk dipakai. Ibu jadi gila. Gadis–gadis dirogol. Dalam setiap revolusi, mesti ada pengorbanan. Hinggakan membunuh ayah kandung sekalipun. Memang sedih cerita nih.

Aku juga ada membaca karya George Orwell dan Noam Chomsky. Semuanya ada kat library nih. Kadang-kadang buku untuk pelajaran aku tak sentuh pun. Aku cuma baca buku-buku yang aku ingin baca. Lepas nih aku nak baca buku banyak-banyak agar boleh aku muntahkan ilmu-ilmu yang aku dapat melalui penulisan. Aku tak pandai sangat menulis nih. Ayat–ayat tak cukup power. Cume blogspot ni ajelah sebagai medan untuk aku 'berkarya'.hehehe.

p/s: aku sedang mencari buku Big Breast Wide Hip karya Mo Yan. Siot ah mahal nak mampos aku tengok kat Amazon.com. Sabo jek lah.

* * *

ORANG berBUDI, KITA berJASA

Tak tahulah sama ada aku sedar atau tidak. Yang nyata, semester ketiga dah nak habis dalam beberapa hari lagi. Aku masih tak puas mengecapi hidup di Penang ni. Lihat kawan-kawan yang semakin

hari semakin maju dengan perubahan diri. Memang betul manusia berubah. Begitu juga dengan diri aku. Perubahan yang besar mungkin tak nampak sangat. Perubahan yang nyata aku alami mungkin dari segi kuantiti seluar yang aku miliki. Dari ade dua pasang jadik la tiga pasang. Aku tak suka pakai seluar slack yang mak beli. Nampak macam Mat Belia tak pun macam abang-abang MPP. Seluar tu abang aku yang bagi. Nasib baiklah, jimat duit aku. Kalau nak harapkan aku membeli seluar entah bila. Penambahan kuantiti seluar juga satu perubahan. Dari satu menjadi dua. Dari dua menjadi tiga. Penambahan kuantiti juga terlihat dalam koleksi dvd, kaset dan cd aku. Banyak jugak aku membazir membeli semua tuh semester ni. Lebih-lebih lagi dengan harga RM4 per dvd yang boleh didapati di Batu Feringghi, makin membuak-buak nafsu aku. Kalau dah suka, nak buat macam mane ye tak? Itu perubahan kecik. Tak bermakna pon. Perubahan yang besar tak juga berlaku dalam diri aku.

Manusia juga mengalami perubahan dari segi kuantiti. Mungkin kerana manusia itu besar saiznya, maka perubahannya juga besarlah. Dari satu menjadi dua, dua menjadi tiga.(ade ke dua jadik tiga???). Aku selalu nampak satu jadik dua yang lain tak pernah pulak. Kalau berubah kuantiti lebih-lebih nanti orang cakap ape la pulak. Orang nih bukannye boleh tengok orang senang sikit. Pantang salah sikit. Ade aje yang nak dibuahmulutkan. Kalau dilihat kembali, ramai gak kawan aku mengalami perubahan kuantiti yang macam ni dalam hidup die. Maksud aku dah ade teman buat perabih kredit, teman bergaduh, dah orang yang tolong picit-picit, gurau-gurau, yang semua tu lah. Ramai juga yang berJASA di USM ni. Aku pulak???

Susah juga nak tengok orang yang berubah pada nilai yang lain. Nak tengok perubahan ni pada kawan-kawan aku? Jangan haraplah. Perubahan yang aku maksudkan ialah perubahan dari segi kualiti. Kualiti rendah kepada kualiti lebih sikit. Dari enjin keldai ubah jadik enjin kuda. Tak tahulah apa daya yang menggerakkan mereka yang berubah dengan nilai ini. Mungkin mereka takut dengan mak bapak mereka kot. Tak pun menggigil sampai terkencing mengenangkan masa depan yang tak pasti cerah terangnya. Yang pasti, aku tak pernah mengalami perubahan ini. Dah nak habis semester nih.... Satu zarah keinsafan pon tak kunjung tiba. Assignment hantar last minit.

Belajar pada minit-minit kecederaan, datang kelas lambat... "Barulah rock!!!"... Tapi kalau banyak sangat rocknye hingga mudarat diri susah gak siak....adus... jeles gak tengok orang berBUDI... tapi aku?????

BUDI-belajar untuk dapat ijazah(belajar untuk dapat ijazah ke untuk dapat ilmu???)
JASA-janji dapat sorang awek (damn!!!)

* * *

BODOH LAGI MEMBODOHKAN

Aku mula berasa bangga dengan diri aku kerana sudah kerap bangun awal pada waktu pagi. Kekerapan itu juga telah berlaku pada hari ini. Bangun dengan semalas-malasnya, seperti orang yang tak sanggup untuk berhadapan dengan hidup yang akan datang dan kemudiannya duduk termenung ke arah sekujur tubuh yang sedang enak diulit mimpi. Sekali sekala nampak dia menguntumkan senyuman dan menyelukkan tangan kanannya ke dalam bahagian depan seluarnya. "Mimpi basah agaknya dia ni", ujar aku.

Fitrah manusia yang baru bangun daripada tidur akan pergi ke tandas bagi menunaikan hajat. Aku masuk ke dalam satu bilik dan terus mencangkung. Pada masa itu, aku dapat merasakan sesuatu yang melalui dalam usus aku dan tiba-tiba keluar jirim pepejal yang tidak diinginkan oleh badan aku. Setelah selesai, kembali semula ke dalam bilik. Terjumpa senaskah suratk habar dan aku terus tersenyum. Terpampang di muka depan gambar sekumpulan polis sedang melambaikan tangan mereka sambil tersenyum lebar.
"Azam baru ke nih?".

Selak muka surat pertama. WARTAWAN MAKAN NAJIS. "Biar betul?", getus aku. Selak lagi. AHMAD NAUFAL DAPAT 9A DALAM PMR SEBAB MAKAN KISMIS. Tersenyum aku. Selak lagi dan lagi. BOGEL PELUK PASANGAN, FARAH TAHAN LAPAR MAHU CANTIK, SAYA CUMA MINTA CD MAWI. "Ah, cukup!!!!" Rupanya aku dah tak payah membazirkan duit aku untuk membeli majalah hiburan yang agak mahal selepas ini. Sekarang, hanya Rm1.20 kita sudah boleh berhibur dengan Harian Metro. 100% terhibur.

Bukan sahaja terhibur, malah otak selepas itu akan susah untuk

menjanakan idea yang baik berikutan pembacaan Harian Metro yang melampau. Susah juga nak menulis. Sial!!! Surat khabar ini telah membodohkan aku. Aku terus pergi mandi dan bersiap untuk ke perpustakaan.

Endnote:

1. Tengah baca buku Ken Kesey - Sometimes A Great Notion.
2. Tengah dengar BBQ Chicken, From Monument To Masses, Neon BLonde, Toxic Holocaust, Celtic Frost, Pelican, Avskum, Flesh Disgorged.
3. Metro, TV3, Mastika dan semua media massa macam pukiwak. Mengapa menggunakan MORAL sebagai satu bahan berita? Supaya menampakkan kamu di pihak media lebih bersunat dari yang lain?
4. Kalaulah gig yang kena serbu tu tak kena serbu, tentu kaya raya si organiser tuh. 400 orang yang datang siak. Tentu buat duit punya.
5. Aku selalu makan tak bayar kat Khaleel. Takde duit doh.

* * *

BENDALISTIK

Baru lega hati aku bila exam dah tamat. Secara keseluruhan aku berasa tak yakin untuk memperolehi markah yang hebat. Jawab pakai hentam, belajar minit-minit terakhir dan banyak tak buat tugasan. Tapi kalau nak lulus kira bolehlah ('bolehlah' macam satu jargon bagi orang Melayu yang tiada daya saing,"asal lulus kira OKlah"). Takpe semester depan aku akan buat yang terbaik (ni azam aku yang tak pernah buat sejak aku masuk USM). Esok mula cuti sebulan dan aku mula membungkuskan barang-barang ke dalam kotak.

Waktu malam aku lepak dengan Kidd, mabuk teh tarik di Restoran Khaleel. Berbual perkara-perkara yang patut dibualkan. Tiba satu ketika aku tiba-tiba gatal masuk bab-bab macam mana nak mengurat perempuan. Yelah, aku kan masih mencari, jadi cubalah nak dapatkan tips-tips. Kidd pula tanyakan gadis idaman aku. Aduss... sebenarnya aku tak memikirkan sangat benda-benda nih. Kalau dah suka, sukalah tak kira macam mana bentuknya. Tapi kalau Kidd dah

tanya aku jawablah sekadar yang boleh. Jadi aku cakaplah aku suka yang cantik, rock, lawa, tak pakai tudung, rambut panjang, buah dada besar (yang ni aku cakap dalam hati aje) dan banyak lagi. Harap-harap Kidd bagitahulah pada kawan-kawan dia.hehehe

Bila aku balik bilik terfikirkan ciri-ciri yang aku sebutkan pada Kidd masa tengah lepak tadi, baru aku realize yang sebenarnya aku nih sungguh materialistik. Semua benda yang aku idamkan semuanya yang boleh nampak, benda yag boleh dipegang. Semua benda yang material. Takde pulak ciri-ciri yang aku nak yang abstrak. Baik hati ke (tipikal gile), memahami, open minded dan macam-macam lagilah.

Ingatkan perempuan aje yang materialistik. Lelaki pun materialistik. Nampak sangat kita sekarang nih materialistik. Mengejar benda-benda yang nampak di depan mata sahaja. Nilai-nilai yang tak boleh disukat menggunakan skala numerik (nilai yang abstrak) sangatlah sedikit. Boleh dikatakan ramai lelaki dan perempuan memilih yang ternampak dek mata kasar sahaja. Nak nampak yang dalam-dalam susah sedikit. Kena kenal seseorang tu lebih lama. Agak susah lebih-lebih lagi dengan dunia yang serba laju nih.

Aku cuba untuk menghindarkan diri daripada kehidupan yang mementingkan material ni. Dapat hindarkan sedikit-sedikit kira baguslah. Ada banyak kumpulan-kumpulan yang mengesyorkan hidup non-material ni. Contohnya Crimethinc. Satu kumpulan anarkis yang penuh dengan mimpi-mimpi. Satu buku yang kau pernah baca terbitan Crimethinc ialah Off The Map. Satu catatan peribadi seorang wanita yang aku fikir adalah seorang anarkis. Bersama-sama dengan rakannya dengan selamba pergi backpack travelling ke Eropah. Dengan duit yang tak mencukupi, mereka boleh hidup dan menikmati suasana di Eropah. Mereka tinggal di squatters, tidur di tepi-tepi jalan, hitchhiking dan macam-macam lagi benda yang boleh dilakukan. Semua perkara itu tidak mustahil sebenarnya.

Kita tak perlukan duit yang banyak untuk merasa bahagia. Tak perlukan handphone untuk membunuh kesunyian, tak memerlukan sebuah kereta untuk mendapat ramai kawan. Tak perlu kerja sehari suntuk untuk mendapatkan semua yang kita ingin miliki.

Susah bagi aku untuk mengurangkan sifat-sifat material aku. Kadang-kadang terpandang dada perempuan. Kadang-kadang terbeli DVD sampai 5 keping. Terbazir kepada benda-benda yang tak munasabah. Tapi selagi aku boleh bermimpi, aku yakin aku boleh pergi travel satu hari nanti.

Endnote:

1. Kalau nak dapatkan feel travel, baca The Alchemist oleh Paolo Coelho dan Off The Map terbitan Crimethinc.
2. Tak tahulah bila boleh aku membaca semula buku Sang Alkemis aku.
3. Menulis blog sambil dengar Black Sabbath rasa macam rock siak....

* * *

SENYUMLAH

Orang kata yang ia semacam satu proses input dan output. Seperti kita makan dan kemudian kita berak. Terbeban bila ia belum keluar dan rasa lega bila semuanya sudah dinyahkan dari menghuni bahagian dalam itu.

Hari ini hari kedua saya menduduki peperiksaan. Sudah banyak kali saya menduduki peperiksaan, jadi kiranya saya sudah boleh mengawal emosi saya bila berhadapan dengan kertas putih yang sangat menakutkan ini. Rasanya tiada guna bagi saya berasa takut untuk menduduki peperiksaan. Ia cuma satu pelengkap bagi kita yang sedang menjalani kehidupan sebagai seorang remaja di negara yang penuh sistem yang sistematik ini. Selesai dengan peperiksaan itu, diuji lagi dengan peperiksaan yang lain. Kita diuji berklai-kali hinggalah 'proses penyulingan' berhasil menyentilkan beberapa 'pekerja' yang penuh dengan rasa 'takut'. Tak tahulah sama ada dia takut dengan ibu bapanya yang akan mengungkit sebab tidak dapat menggulungkan ijazah di depan mereka, atau takut digelar oleh kawan-kawannya sebagai tiada kehidupan yang modern kerana bekerja sebagai guru sekolah di kampung sahaja ataupun takut tidak dapat membayar sewa rumah dan susu anak pada masa depan kelak.

Jadi takut-takut dahulu, hari kemudian mungkin kita tidak takut. Mungkin! Ya, mungkin dengan perasaan 'takut' itu barulah kita boleh berjaya. Mungkin!

Kiranya sekarang kita tersepit. Tidak boleh pergi ke mana-mana melainkan terima apa sahaja di depan mata. Tubuh badan kita seperti ditanam ditimbus ke dalam perut bumi dan hanya kepala kita sahaja yang melihat dunia dengan rasa yang penuh rasa. Tidak dapat bergerak ke mana-mana. Kalau ada orang yang mahu kencing di kepala kita, maka kita terima sahaja walaupun tidak rela. Saya rasa ini lah kehidupan yang menjengkelkan. Tapi mahu atau tidak mahu, walaupun telah dikencingi, kita kena senyum. Oh bukan, KITA HARUS SENTIASA SENYUM. Muaahh!!!

Endnote:

1. Saya lagi mendengarkan lagu-agu hebar daripada band-band Yellowmachinegun, Kill The Client dan Necrophagist
2. Mesti kena menulis. Kan menulis itu menerangkan apa yang kita fikir, jadi mereka yang tak menulis itu adalah mereka yang tidak berfikir!!!"-kata-kata nih saya quote dari Akhdan. Akhdan plak quote dari Hishamuddin Rais. Menulis lah!! Tulis kat testimonial Friendster saya pon takpe.

* * *

MARI KITA BERZIKIR

"Nobeat, baguslah awak ni, suka sangar berzikir setiap masa", kata seorang kawan aku yang dirahsiakan identitinya.

"Eh, tak adalah, mana kau tahu ni?" kata aku sambil membetulkan rambut dengan menggunakan tangan kanan.

"Yalah, tadi awak cakap 'bodoh sial' pada saya, lepas itu awak maki handphone awak sebab tak ada coverage, lepas tu pula awak sebut perkataan F berkali-kali bila awak baca mesej kawan awak yang suruh awak belikan roti telur dan teh ais bungkus guna duit awak dulu. Hah, tengok. Awak memang suka berzikir. Tapi zikir awak tak dapat pahala. Dapat dosa adalah." jelas kawan aku.

Sial!!! (sah aku selalu mencarut). Malu jugak bila ditegur sebegitu rupa. Rupanya sedar tak sedar aku memang selalu mencarut. Aku selalu membabikan apa-apa sahaja disekitar aku. 'Bodoh sial' merupakan entri kata yang menduduki tempat yang paling atas dalam kekerapan perkataan yang keluar daru mulut aku setiap hari. Minta maaf kepada sesiapa yang tersinggung bila aku berbual dengan dia, aku melafazkan kata-kata yang pastinya akan membuatkan ayah korang melempang mulut korang bila mengucapkan perkataan tersebut dihadapan mereka.

Mencarut datang bersama-sama dengan emosi kita. Ia separallel dengan perasaan yang sedang kita alami. Seiringan, seirama dan masing-masing sudah berjanji tidak mahu berpisah. Jika terpisah dan digantikan dengan kata-kata yang mesra tutur cakap, sahlah si penuturnya terkongkong dengan nilai-nilai murni negara Malaysia. Dapat dibayangkan yang si penutur itu mestilah cukup bersopan santun, selalu gosok baju sebelum pergi ke kelas dan hanya mengucapkan perkara-perkara yang baik di depan gadis-gadis. Malangnya aku bukan seperti itu. Barangkali aku selalu menonton filem barat yang banyak menggunakan perkataan carut-marut di dalam pertuturan mereka.

Hari ini, aku mencarut lagi. Mencarut bukan kerana hati ini dilukai oleh seorang gadis yang tidak memberi kebenaran untuk duduk disebelahnya, bukan kerana aku dimarahi penolong penggawa sebab gantung seluar dalam di luar tingkap tapi aku mencarut sebab aku terjumpa sesuatu yang aku tunggu-tunggu sejak semester lepas lagi. Babilah!!!! (tengok, mencarut lagi!!!!! siallah....)

Pada semester lepas aku hanya dapat membaca satu sahaja karya Ayu Utami iaitu Saman. Bukunya yang satu lagi iaitu Larung masih lagi dalam proses terakhir sebelum ia berada di rak buku bahagian Malaysiana di perpustakaan. Hari ini aku mencarut sebab Ayu Utami. Hari ini aku dapat membaca, meminjam, meneroka kehebatan penulisan Ayu Utami dan dapat memuaskan nafsu aku terhadap Larung ini. Larung ialah lanjutan bagi Saman. Bila aku selak muka surat pertama buku Larung itu, aku mencarut. "Holy shit! macam

manalah dia boleh buat ayat macam ni?" "Pukimak!!!!! Apsal lah aku tak boleh buat bait-bait kata macam dia nih???" "Butolah Ayu Utami, plot cerita membuatkan aku bernafsu membaca lagi". "Sial!!! cara pakai sarung tetek pun dia cerita detail nak mampos....arghhhh"

Lantas aku terus meminjam buku Larung tu. Nasib baiklah budak-budak Usm ni tak tahu pasal Ayu Utami, tak tahu tentang Komunitas Utan Kayu, Islam Liberal pun mereka tak pernah ambil peduli. Kalau tak, terpaksa aku menunggu giliran yang tak tahu bila akan sampai pada aku.Hahaha. Terima kasih kepada semua. Teruskan usaha memenuhkan kelab-kelab malam, pusat karaoke, restoran multinational dan kompleks membeli belah. Tak usah hiraukan tentang dunia yang cacamarba ini pentingkan perihal diri sendiri terlebih dahulu yah.

Aku amik petikan teks dalam Larung sebagai penutup entri aku. Petikan ini didedikasikan khas kepada mereka yang berjuang habis-habisan memerangi kekorupsian mereka-mereka yang berselindung disebalik senyuman yang prorakyat kononnya.

"*Kemudian aku bertemu dengan sang bapak di pendopo dan ia menyilakan aku duduk lalu menyodorkan secarik kertas yang baru saja ia tuliskan:*

Di tempat ini orang tidak berbicara. Cuma anjing yang bersuara!

Aku diam sebentar.

Aku mengerti. Lalu kutulis di kertas yang sama: Tapi saya mendengar suara burung.

Lalu ia memperbaiki: Di tempat ini orang tidak berbicara cuma anjing/ burung yang bersuara.

Aku membaca catatan itu dan menjawabnya: Bukankah kita sedang berbicara meski tak bersuara?

Kuserahkan balasanku dan ia manggut-manggut tetapi seperti tidak

menemukan jawaban.

Setelah lama menunggu, kutarik kembali kertas iu dan kukoreksi sebab aku tahu apa yang ia maksudkan :

DI TEMPAT INI ORANG TIDAK BERSUARA DAN ANJING TIDAK BERBICARA

(setahuku anjing menggonggong)...”

* * *

HEAR SOMETHING SEE SOMETHING,
SAY NOTHING, FEEL SOMETHING...



pengolahan bahan campuran melalui teknik assemblaj menjelaskan sensitiviti diri akan isu hak bersuara / freedom of speech akibat daripada tekanan persekitaran dan sistem melalui pembacaan dan pengalaman.

BAB ZAZA

MENYESAL

Korang pernah tak buat satu benda yang pastu korang rasa menyesal sampai hari ni? Aku pernah. Sebenarnya cerita ni dah lama berlaku. Tapi yelah, memandangkan baru sekarang ni aku ada weblog, tetiba rasa macam banyak gila je benda nak cerita dalam ni. Haha. Ok, berbalik pada tajuk asal.

Masa tu aku kat Batu Pahat le, rumah aku. Tapi aku keluar pegi mana tah, naik bas la. Masa tu takde lesen lagi. Kalau ada pun belum tentu mak aku kasi bawak. Yang aku ingat masa tu dah petang, Dan aku sangat penat. Aku keluar sorang-sorang. Nasib baik dapat tempat duduk. Lepas tu sampai satu bus stop sorang makcik (takla tua sangat, boleh la panggil akak lagi) naik dengan anak lelaki dia dalam umur 6-7 tahun.

Bas masa tu memang agak sesak. Jadi diorang berdua terpaksa berdiri. Dekat dengan aku. Yang aku SANGAT KESAL adalah aku tak bagi seat aku kat diorang. Lebih-lebih lagi kat budak tu. Aku nampak budak tu penat, dan sebab terlampau penat agaknya dia duduk atas tangga yang pintu tengah bas tu. Aku jugak nampak budak tu

tersengguk-sengguk mengantuk, dan 2-3 kali dia terhantuk kepala dia kat tiang bas tu. Sampai la mak dia marah. "abang! jgn dok kat situ, bahaya! nanti jatuh"

Semua orang tengok, termasukla aku. Tapi pastu budak tu duduk balik kat situ. Kena marah lagi. Sampai la diorang turun dari bas tu…Aku cuma tengok je. Budak tu pun nampak aku tengok dia tersengguk-sengguk. Mesti dia kata aku ni jahat. Tak offer tempat duduk kat dia. Aku pun tak tau kenapa aku bodoh sangat. Selfish. Lain kali aku janji takkan buat macam tu lagi.

* * *

SOULMATE

Ada dua tiga orang kawan aku yang mak ayah dia diambang perpisahan. Aku tak tau nak cakap apa. Sedih memang sedih, tapi alhamdulillah kawan-kawan aku ni semua dah boleh berfikir secara matang. Diorang boleh handle benda ni. Tapi yelah, berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Kalau korang baca bende ni, aku harap apa-apa pun yang jadi korang akan tetap kuat. Aku percaya yang apa-apa masalah pun dalam hidup kita, itu semua ujian. Kalau kita nak, mesti kita boleh berjaya melaluinya.

Hmm.bila jadi benda-benda macam ni, aku terfikir. Macamana ek, orang yang dah berkawin berpuluh-puluh tahun, anak dah besar panjang pun gagal mencapai persefahaman dengan pasangan. Kalau orang yang couple baru berapa hari tu tak payah la cakap. Opss...aku tak berniat nak kecikkan hati sesapa, just wonder je.

Maksud aku, macamana sebenarnya konsep persefahaman dalam hubungan tu? Kalau tengok filem romantik cam Serenity (John Cusack ngan Kate Beckinsale), soulmate kita adalah orang yang bila kita jumpa atau berada dengan dia, kita rasa persefahaman tu wujud dengan sendiri. Kita akan rasa comfortable dengan sendiri. Kita akan rasa happy just by being with him or her. Tak de gaduh-gaduh. Tak tensen. Dengan soulmate kita ni kita akan rasa tak perlu jadi orang lain. Pendek kata "mmg selesalah!" cam iklan pampers kat tv dulu.

Tapi itu dalam filem. Aku tak tau dalam reality ni ada macam tu ke tak. Sesapa yang rasa dah jumpa soulmate dia, atau ada pendapat lain, boleh la komen.

Kalau tanya aku, aku rasa mungkin tak semudah itu. Sebab kita ni setiap individu lain-lain. Even kembar pun perangai dia lain-lain. Mungkin masalahnya adalah EXPECTATION. Contoh: Kita tengok sorang laki. hensem. baik. kool. Adakah kita sangka dia sebenarnya seorang yang panas baran dan suka pukul isteri?

Aku rasa bila kita tengok seseorang tu tentu kita nampak, katakan 20% dari diri dia yang sebenar. Kadang-kadang kita cepat buat judgement, dan dengan hanya 20% tu kita buat kesimpulan atau kita corakkan personaliti dia ikut minda kita sendiri secara tak sedar. Tapi bila apa yang kita dah set dalam kepala tu tak sama dengan apa yang sebenar, kita tak boleh terima. Dari situ timbul banyak masalah. Kita nak dia jadi sama dengan apa yang kita impikan.

Hmm… pandai-pandai je aku buat teori sendiri. haha.

* * *

SELEPAS 5 TAHUN

Dalam banyak-banyak catatan, aku rasa mungkin ini adalah antara catatan aku yang paling jujur. Setelah genap lima tahun meninggalkan alam persekolahan, sebenarnya ada banyak perkara yang menimbun dalam kepala otak aku selama ni. Cuma bila jumpa balik kawan-kawan lama, baru la teringat balik benda-benda ni semua.

Lima tahun pasca sekolah banyak membuat aku berfikir. Betapa pun banyaknya kenangan pahit sepanjang lima tahun aku kat situ, sebenarnya lima tahun tu la yang aku rasa banyak mematangkan aku. Kalau tak kerana sekolah tu, mungkin aku bukan aku sekarang. Cara berfikir dan melihat kehidupan pun barangkali lain.

Kalau pun bukan mematangkan, setidak-tidaknya banyak mengenalkan aku tentang kehidupan, dan kawan-kawan. Ada benda-benda yang aku tak faham masa dulu, tapi aku dah paham

sekarang. Ada benda yang kita tak boleh terima dulu, tapi boleh terima sekarang. Ada benda-benda yang kita rasa macam best gile gempak dulu, tapi rasa macam bodoh gile sekarang.

Yang penting kita belajar dari kesilapan.

Tetapi selepas semua itu, aku makin sedar tentang banyak perkara. Dulu, masalah yang paling besar (pada pandangan aku la) untuk hidup di asrama, adalah warden. Perselisihan faham yang sangat besar antara warden dan pelajar. Sampai aku pernah cakap kat kawan aku, bila keluar nanti, aku nak tulis surat kat paper, pasal 'isu warden kat sekolah berasrama'. Haha. Akhirnya sampai sekarang aku tak buat pun. Sebenarnya aku rasa warden, dan cikgu-cikgu patut jadi mak bapak untuk student. Bukannya musuh. Jurang usia yang lebih jauh sepatutnya jadi dasar pemikiran yang lebih matang. Bukan jadi dasar ego yang lebih tinggi.

Dulu, masa aku masih kat sekolah, aku ingat lagi, ada satu cerita kecoh bila akak-akak senior yang dah lepas datang nak amik result SPM. Kecohnya? sebab diorang datang pakai tudung tiga segi dan ada yang pakai kain belah. Serta-merta diorang dipandang serong.

Aku ingat cerita tu sampai sekarang. Sebab cerita tu sentiasa mengingatkan aku supaya jangan prejudis. Sebab bila aku keluar sekolah aku jumpa macam-macam orang. Macam-macam latar belakang. Dan aku mula bukak minda dengan lebih luas. Aku jugak mula sedar yang 'memandang serong' takkan dapat mengubah apa-apa atau sesiapa. Dan aku jugak mula faham, kalau melihat kesalahan orang boleh membuat kita nampak kesalahan dan kelemahan kita sendiri, itu sebenarnya adalah jauh lebih baik dari kita melihat kesalahan orang dan yang kita nampak cuma kesalahan orang tu semata-mata.

Aku ada seorang kawan yang boleh bercampur dengan orang daripada yang paling brutal sampai la yang paling alim, tanpa sebarang rasa kekok, tanpa sebarang prejudis. Tetapi dalam masa yang sama, dia adalah seorang yang sangat berpendirian dan tak pernah takut nak menyatakan pendirian dia sendiri pada masa yang

sepatutnya. Aku respek dia untuk itu.

Aku jugak jumpa kawan-kawan yang dari sekolah agama yang lain, terutamanya sekolah private. Dan aku rasa tarbiyyah diorang jauh lebih hebat. Diorang sentiasa ditanam rasa prihatin terhadap isu-isu global umat Islam, cam Palestin, pastu isu-isu tempatan dan antarabangsa. Lepas sekolah diorang sudah ada network yang bergiat dalam macam-macam aktiviti ke arah kebaikan dan kepentingan masyarakat Islam. Kalau nak tau jauh bezanya sistem sekolah biasa ngan sistem sekolah diorang, kawan aku ni pernah cerita yang bila form 4 dia pindah SMKA sekejap, dan dia culture shock. Salah satu sebabnya adalah bila dia tengok semua orang bising waktu pengetua tengah bercakap kat perhimpunan. Pertama kali aku dengar, aku ketawa bagai nak rak. Aku cakap kat dia, kalau kau pergi sekolah aku, agaknya kau dah culture shock 2,3,4 kali ganda! [cuma mungkin, kalau nak dijadikan alasan, membimbing dan membentuk pelajar sekolah agama private lebih mudah sebab kuantiti jauh lebih sikit. purata kelas untuk setiap tingkatan mungkin dalam 2-3 kelas sahaja.]

Tapi sebenarnya, bila aku fikirkan balik, kalau macam tu lah perbandingannya, sebenarnya apa erti perkataan AGAMA pada nama sekolah aku? Sembahyang jemaah wajib untuk Maghrib dan Isya' sahaja, baca ma'thurat pun wajib untuk f1 dan f2 sahaja, tazkirah dan qiyamullail pun biasanya begitu juga, beri salam wajib hanya dari junior ke senior dan jadi seolah-olah satu lambang kuasa, minggu silaturahim jadi medan membuli dan memalukan budak-budak baru, student ngumpat cikgu, cikgu ngumpat student, rekod disiplin berjela2...mana roh Islamnya?

Satu sistem tarbiyyah sudah jadi satu sistem kuasa. Bila kau kecik kau kena ikut semua. Bila kau besar sikit kau boleh buli yang kecik. Bila kau lagi besar kau boleh buli yang kecik dan yang sederhana besar. Bila kau paling besar kau boleh buli semua orang dan mereka hanya boleh menyimpan niat untuk buli anak kau suatu hari nanti.

Dulu kalau orang tanya aku, apa bezanya sekolah agama dengan sekolah biasa, secara directnya aku akan jawab, bezanya sebab

bahasa arab subjek wajib untuk semua. Kalau sekarang mungkin aku akan tambah, sebab pelajar perempuan kena pakai tudung labuh. Mungkin sekarang banyak benda dah berubah. Aku harap banyak benda dah berubah.

Sebenarnya, aku bukan nak merendah-rendahkan sekolah agama. Aku sedar, kalau aku duduk kat negara lain, Perancis misalnya, jangan kata sekolah agama, kebebasan mengamalkan agama pun tak ada. Apa yang aku nak cakap adalah banyaknya kepincangan yang tak sepatutnya berlaku tetapi sayangnya dah berakar umbi dalam sistem sesebuah sekolah tu. Sedangkan sekolah la tempat yang paling penting nak mendidik anak-anak umat Islam. Itulah tempoh yang paling penting untuk mula menerapkan semangat dan roh Islam.

Kekerasan bukan penentu kekuatan. Yang penting adalah kewarasan.

Aku rasa banyak benda perlu dikaji dan dinilai semula. Kalau boleh, letakkanlah pentadbiran sekolah di tangan seorang yang berwibawa. Ada semangat, kekuatan dan kebijaksanaan-ciri-ciri seorang pemimpin. Ini dalam konteks sekolah je la. Konteks yang kecik, tapi signifikan. Sebab nak mendidik dan mengawal beratus-ratus remaja yang sedang membesar bukan kerja senang.

Setiap dasar dan peraturan kena diteliti. Rasionalnya, kesesuaiannya, kebolehpelaksanaannya, dinamiknya, semua kena diambil kira. Dan kena diterangkan kewajarannya kepada pelajar. Kalau timbul rasa tidak puas hati kemudiannya, masalah tu akan lebih mudah diatasi.

Proses menerapkan nilai-nilai agama tu pun kalau boleh dibuat di semua peringkat. Bukan untuk yang 'bawahan' je. Dari cikgu-cikgu, pemimpin-pemimpin pelajar, pelajar malah kalau boleh sampai makcik cleaner ngan makcik dewan makan sekali.

Sebab tu ustaz-ustazah yang berpendidikan agama terutamanya kena pandai berdiplomasi-mahir cara-cara nak menangani proses ni dan sesuaikan method dengan target. Buang peraturan-peraturan yang membezakan antara batch-batch (kecuali mana-mana yang

betul-betul relevan)...

Student? Pandai-pandai la ikut peraturan ;). Remaja bukan lesen untuk buat sesuka hati. Setiap orang ada tanggungjawab untuk mendidik diri.

* * *

TIPIKAL?
Adakalanya aku sangat annoyed dengan statement macam "not a typical...". Contoh, "I'm not the typical Malay…" atau "not the typical type of girl..." Hello? Are you saying that you're BETTER than the 'typical' others, or that you're more UNIQUE and everyone else is just the same, that you're DIFFERENT and by making such statement, everybody else should look up to you? (okay, maybe I'm exaggerating.)

Come on. Just because you have a small horizon, don't ASSUME everyone is the same. At least contribute what u can.

"*Uu..BIG talk from a SMALL man, is it?*" - Orked dalam SEPET

* * *

UNTITLED
(penat aku fikir tajuk, tapi tak tau apa yang paling sesuai)

"It takes a lot of hate to hurt someone you love. It takes a lot of love to hate that much."

"Smart people will always be able to learn even from the silliest things."

"The more you know, the less you talk."

-zaza

Aku fikir blog sebenarnya adalah respon penulisnya kepada persekitaran. Satu luahan minda, atau perasaan. Kadang-kadang ada sesetengah blog isinya luahan minda sahaja, dan kita boleh

dapat idea. Ada sesetengah blog isinya luahan perasaan sahaja, dan kita boleh dapat 'jiwa'.

Akhir-akhir ini, aku cukup gemar meneroka blog orang. Blog sekarang sudah menjadi antara sumber bacaan yang paling utama untuk aku, dan paling konsisten. Surat khabar pun, di UIA ni, hanya kadang-kadang sahaja aku baca-bila ada kerajinan untuk ke library, ada kesempatan untuk ke bilik tv, atau bila ada kewangan untuk membeli.

Benarlah kata orang, blog/weblog suatu masa nanti akan menjadi media yang boleh mengalahkan media arus perdana. Keterbukaan yang mengagumkan- sering sahaja aku dirangsang untuk berfikir, dan sekaligus menulis, cuma fikiran-fikiran dan idea-idea itu belum disusun sewajarnya. Banyak yang nak aku komen, tapi aku fikir seeloknya aku faham betul-betul setiap isu dan perkara, sebelum membuat kesimpulan.

Dulu, aku penyokong nasionalisme-sebab aku asaskan nasionalisme kepada rasa cintakan dan ingin memajukan bangsa. Tapi selepas beberapa perbincangan, dan bertukar fikiran dengan kawan-kawan, dan seorang kawan aku bagi satu risalah, perspektif aku berubah sedikit. Tak lama lepas tu, aku terbaca satu artikel dari Pakdi tentang Nasionalisme-Jawa. Aku tersenyum sendiri. (sure Pakdi bangga kalau dia tau)

Perspektif aku terus berubah.

Kemudian, aku jugak penentang hak istimewa orang Melayu. Bukanlah penentang yang ekstrim, tapi aku tak setuju. Aku rasa kita sudah patut berdiri sendiri-bukan lagi bertongkat. Macam budak-budak, selagi didukung ke sana ke mari, selagi itulah dia takkan boleh berjalan. Tapi lepas tu, aku terbaca satu ruangan wawancara dengan Dr. Chandra Muzaffar-dan dia menerangkan dengan sejelas-jelasnya tentang asas sejarah untuk hak istimewa orang Melayu ini, dan kenapa ia perlu dipertahankan.

Sekali lagi, perspektif aku berubah.

Sebab tu, bila aku baca blog-blog orang, aku rasa fikiran aku lebih terbukak lagi. Sangat menarik bila kita dapat baca pandangan-pandangan yang lebih telus, independen, dan jugak jarang mendapat tempat dalam media biasa. Lebih menarik lagi, bila kita boleh melihat kehidupan dan sekeliling dari kacamata orang lain.

Dalam masa yang sama, aku sebenarnya kagum dengan orang-orang yang boleh menulis, dalam blog mereka, tentang setiap perkara dalam hidup, perasaan- kesedihan, kemarahan, kegembiraan, kekecewaan dsb-perkara-perkara yang cukup peribadi. Aku tak mampu. Tapi aku fikir mungkin itu satu soal yang lain.

Apa-apa pun, ini baru sahaja aku jumpa,

"A child looks at a mountain and sees a mountain, a man looks at a mountain and sees many things, a wise man looks at a mountain and sees a mountain."- Buddha.

* * *

SIAPA YANG PEDULI?

Kelmarin memang malang. Masa aku keluar dengan kakak dan adik-adik aku, dengan tak semena-mena sandal aku putus bila adik aku terpijak. Tak guna betul. Terpaksa la singgah kedai-kedai yang ada tu beli selipar sementara. Slowww...sloww...je aku aku jalan. Malu gak la orang keliling tengok semacam, tapi aku tebalkan muka dengan prinsip, "Takpe,bukan diorang kenal aku pun." :)

On the way balik uia, Win (kakak aku yang hantar aku) tanya, "Habis tu, esok nak gi klas pakai ape? Pakai selipar tu ke?"

"Ye la, dah tu nak pakai ape lagi. Belasah je la." Aku ade satu lagi sandal, tapi tinggi la. Malas aku, leceh nak jalan. Pastu bunyi keletak-keletuk keletak-keletuk. Untuk pengetahuan, 'selipar sementara' aku tu rekabentuk macam selipar jepun, tapi cun sikitla :). Sebab dia ada bunga-bunga. Pastu selesa gila pakai.

Pastu kakak aku tanya, "Boleh ke pakai selipar gi kelas? Tak kena tegur ke?"

Ha ha..memang la patutnya tak boleh..tapi, siapa yang peduli?

"Takde dress code ke?"

"Ada. Kena pakai stokin, pakai serkup, pakai baju takleh ketat..." Hari tu baru je diorang buat spot check besar-besaran. Siap buat slide show kat computer lab, tajuk "SHAME ON US!!" sambil tunjuk gambar-gambar student yang tak mematuhi dress code.

"Tapi tu kan hak individu?"

"Ye la, tapi ni kan UIA."

Kemudian kereta kami memasuki pekarangan kolej aku. Nampak sorang sister pakai baju ketat tengah keluarkan barang dari bonet kereta.

Kakak aku kata, "Ha, tu, pakai baju ketat."

Ha ha...siapa yang peduli?

Sampai bilik, letak barang, kitorang pergi makan kat spot paling feymes kat uia ni. Orang tak ramai, ade la dua tiga kerat. Lepas tu aku pilih satu meja yang dekat dengan kipas. Panas.

Pastu kakak aku kata, "Eh, ada sign 'BROTHERS'," sambil menunjuk ke arah sebuah tiang. "Kenapa meja-meja ni ada yang tulis 'BROTHERS' ada yang tulis 'SISTERS'? Kena duduk asing-asing ke?". Tengok pulak kat satu tampalan atas meja kitorang - BROTHERS.

Ha ha...memang kena duduk asing-asing pun...tapi, siapa yang peduli?

Aku cakap kat kakak aku, ni kira the hottest spot untuk lepak budak-budak uia la.

"Kalau malam, lagi la penuh. Selalunya budak-budak dating. Tak pun, orang dating kat luar gate-gate kolej. Malam-malam banyak la, berpasang-pasang."

"Boleh ke dating (kat uia ni)?"

Ha ha...memang la tak boleh...tapi, siapa yang peduli?

Ya, di sini, siapa yang peduli?

* * *

JAHAT YANG BAIK

Biasa tak dengar orang kata "aku ni mulut je jahat, tapi hati baik"?

Aku biasa. malah kadang-kadang aku pun guna ayat tu (bukan untuk aku la, untuk merujuk kat orang lain sebab aku tau aku memang jahat. haha.) tapi hari tu aku dengar satu talk. Speaker tu kata sebenarnya ayat tu tak logik. Dia kata kalau seseorang tu baik, hati dia baik, sepatutnya apa-apa yang dia cakap, buat, fikir adalah benda-benda yang baik-baik belaka. tiada yang tidak baik melainkan baik-baik belaka.

Kalau tanya aku, aku rasa apa dia cakap tu separuh betul separuh tak. Memanglah setiap perlakuan kita akan mencerminkan dalaman kita yang sebenar, tapi kita ni hidup bermasyarakat. Men are social by nature. Ada masanya kita buat atau cakap sesuatu yang kita dah biasa dengar atau tengok orang buat. Pengaruh alam sekitar. Contoh: A buat joke. B terasa. padahal A tak bermaksud macam tu. Maknanya apa yang keluar dari mulut A tu bukan datang dari hati dia.

Dari satu segi pulak, cakap speaker tu betul sebab sepatutnya setiap orang, terutamanya sebagai seorang Muslim kenalah sentiasa berjaga-jaga dengan setiap tuturkata dan tingkahlakunya.

Teringat pulak kat teori Af (aku terlibat jugak ke Af? ;p). "kalau benda tu tak terlintas kat kepala atau hati kita, kita tak kan cakap benda tu." haha. Siapa yang paham tu pahamlah.


24/3/2000
ISWIN
Shut up!...
- STUDY SUBJECT FOR
assemblage...

BAB FAHMI

Kuala Lumpur

the bright city lights
muddy banks, pale coloured buldings
traffic jam and reckless drivers
snobish looking characters
during their working hours
roller coaster bus rides
from a place to another
made me feel
exausted as hell
everytime time i came to the city
but still one thing can always
made me smile and felt right a home
that is when i hear your sunny voice
saying hello to me
on the other line
thank you honey
for making me feel this way.

* * *

A Bridge Too Far

The rain would
drizzle upon my face
like spitting holy words through wind
sprinkling drops of tastless liquid

As I rode my brother's faded red bike
that purrs like kitten with a mouth full of exhaust

I peeped through
the turquoise coloured water
rippling.twirling.waggling.
and felt chills
on the back of my head
I was thinking of someone
and wishing that i knew him more
before he jumped off that bridge
so close but yet so far
I was devoured by my own feelings
through the sea of hope.

I should've taken the ferry instead.

* * *

Skyscrapers And Monuments...

wait for me.wait for me.
yes you.the ever forgiving city

i'm gonna be in the rat race
just to find the purest face
by sitting on a cramped space
it's like going through a maze.

go out and see the gettho
like rats,we would hide and lay low

but the night would glitter like discos
while angels lost their halos

train rides have no sympathy
no one sleeps here untill three
still i'll roam alone feeling dirty
hey, dont you just love living the city?

* * *

Rant

broken hearts are made of blue
somehow, i kept on dreaming of you
in a room with no sunlight to shine
i'm lost inside your valentine
this scream, this life, this fate, this love
i wanted more than just a shove
my skin would break and i am beaten
the blood has spilled, there are no reason.

* * *

Sulk

take the homemade d.i.y
attitude and concept
packed it in nicely
with new marketing strategies
a touch of urban senses
and fake plastic life
with rewards and bonuses
and you'll have yourself
a whole new malaysia
a newly breed of mindless
f**king boring zombies
who worships everything

this is the "post-modern" world
horray for mankind.yay!

* * *

Another Day

another day
another dream
i'll fall down silent
and let misery kick in
manic depression
and box of cigarrette
is like pen and paper to me
jotting down each memories and seconds
inside me with black markers
f**king hell, i wish i don't have to dream anymore.

"depression is addictive"

* * *

Conformity

learn to understand
this so called "modern" love
it'll grab you by the neck
and it'll haunt your days
like a wolf seeking its prey

you'll figure this out
you'll understand it
somehow

when it comes
crashing to the door
and stabs your pretty little heart
untill you'll end up wanting it more

you'd be surprised
how it feels like
to embrace that feeling again

kiss the sky goodbye
and you'll let your heart fly
tommorrow you'll get by
with a conversation that runs dry

* * *

Somewhere In Me

its all been said and done
there's fun for everyone
i am running restless
in a crowd with a million faces

i've lived the life of bitter
i'm tired to stand and shiver
and those wasted years, those wasted year
will somehow gone forever

* * *

Blind

the sun was in my eye
for thirty seven seconds
while i was on a bus home
i thought i was going blind
pitch black or copper white
but all i can see is your warm smile
and your soft staring eyes
it was something
for me

* * *

For You

so what now, dear heart?
you're known as the strongest muscle in me
beating a different tune everyday

you used to charm the world
and everyone around you

so what now, dear heart?
are you becoming weaker by the second?
are humming the same tune?
letting the day goes by
with leftover bitterness on your lips
and restless uncertain looks
are those wounds really hurt you?
or are you just too chickenshit to face it alone?

so what now, dear heart?
you've been weighed
you've been measured
and you've lost
but can you heal again?

so what now,dear heart?
what's your move?

* * *

Stargazing

i was watching
the sky last night
searching for a shooting star
for me to wish upon
like wishing on an angel
or hoping for someone
but that dry transparent air

kept me from seeing it
I was alone

* * *

Ferris Wheel Ride

i had one of those dreams again
i was in a place where
her whisper and her smile
could melt a thousand heart
like cotton candies she had
in a carnival down town
soft and sweet

somewhere
miles away
from home
i waited for her
as the day and night
passes me by
cold and restless

so i took my heart out
and wear it on my sleeve
just for her to notice me
wishing upon
a shooting star
that never came

* * *

Blurred Transfixtion

buzz
[t.v sound on]

Ready?,okay.

I was flicking through the tv channel
with a devil's t.v remote last night
changing channels after channels
spoon feeding myself like everybody
finding god, finding solitary
learning to love and feling horny
or just to killing some time in this forsaken city
I'm either posessed or simply cursed
either way, it's getting worse

a little more to the left

my fingers could'nt help
to press those tiny buttons
on that damn remote
again and again
every ten minutes or so

a little more to the right

I'm half awake and a little hung over
just cant seem to stand still and be sober
the images projected were vivid and astounding
and i'm still i'm here, consuming

hold still

We are the generation raised by televison
another comfort zone, without any reason
so hail our father,the mighty channel one

and we're still slaving
ourselves to this techonology
radiaton ruling the nation
because this evil is necessary
we tend to co-operate the values

from this creation called t.v

[t.v sound clicking off]

* * *

Somewhere For Me To Hide

blink

this is tribute
to a coffee shop
where i used to loaf
while listening to the street
as it whispers to my ear
"coffee and cigarettes"
the air worn thin
and green coloured table
comes marching in
familiar looking faces
strangers we knew by heart
kill some time with street politics
or just everyday conversations
to ease up the restless mind
as black clothes would set
to be a sign of rejection
undoubfully we are
the instant noodle generation
I love the city smell
after it rained

blink, blink

* * *



BAB Jr

BAHASA SYURGA

Sepenuh petang semalam mulut aku terkunci. Dungu sungguh rasanya. Pensyarah yang duduk tidak sampai beberapa meter depan aku menyatakan terdapat seorang pelajar yang gagal dalam ujian. Mulutnya sedikit merungut. Seperti tidak berpuas hati. Dan semua orang memandang aku, seperti sudah dapat mengagak siapakah yang dimaksudkan. Tetapi yang memandang itu rata-ratanya dari golongan yang berlawanan jenis dengan aku. Malunya memang tak terkata. Tercabar pun ada. Kalau ada topeng yang boleh menutup apa jenis malu pun memang aku akan beli masa itu juga.

Subjek apa yang menyebabkan aku gagal? Terkontang-kanting menjawabnya sehinggakan setiap jawapan pun ada sahaja kesalahan? Susah sangatkah? Aku sendiri pun tak tahu. Setiap kali aku menjawabnya, jari-jemariku sedikit terketar-ketar menulis. Bagaikan takut ditimpa bala perasaan aku.

Ini bukan jenaka yang aku cipta untuk memperbodoh-bodohkan diri. Tetapi inilah hakikat. Dulu mak hantar ke sekolah untuk mempelajari bahasa arab, mengaji kitab. Mahu anaknya condong ke arah agama.

Tetapi aku main-main. Main-mainkan harapannya. Sekarang baru sedar akan pentingnya cakap mak selama ini. Mahu main-main lagi. Aku sudah berhenti, sisa baki itu janganlah dikira dan diungkit lagi. Tak cukup lagi dengan separuh daripada nyawa yang diperuntukkan untuk bermain-main? Degil!

Ada yang bertanya. Kenapa memilih bahasa arab? Kenapa bahasa lain seperti Perancis, Mandarin dan yang lain-lain itu aku tidak pilih. Bahasa-bahasa ini lebih style, lebih mudah untuk dipelajari. Aku jawab mudah: bahasa syurga. Aku beragama islam, jadi ada baiknya aku mendalami bahasa ini. Bahasa yang digunapakai oleh Rasulullah. Sudahlah liat hendak berbuat baik, inikan pula bangun sehening pagi untuk menyembah yang maha Esa. Sejak kecil dididik dengan ayat-ayat suci, sudah besar ini sahaja praktik teori itu semua gagal. Kalau ada yang beranggapan masih memerlukan ibubapa untuk memerhati, aku rasa itu tidak betul. Itu membuatkan aku terlalu bergantung. Aku sudah besar panjang, sudah ada angka dua puluhan untuk memikirkan itu semua. Masuk kelas arab ini sekurang-kurangnya tiap patah kata yang aku sebut dalam surah Al-Fatihah itu aku fahami maksudnya. Itulah antara tujuan aku mula-mula dulu.

Mahu menyelami latar sejarah aku, terus-terang aku katakan yang aku tidak mempelajari bahasa arab secara teratur. Sehabis taski abim dulu segala ilmu pun lenyap ditelan umur. Setakat mengira habis sepuluh dan kenal anggota badan dalam bahasa arab tidak memadai. Sudah besar sedikit, aku lebih bergerak cergas ke arah sukan. Buat apa yang aku rasakan seronok. Sehingga mengabaikan apa yang sepatutnya. Sekarang siapa yang cari susah? Aku mula mengeluh. Tetapi aku harus panjatkan syukur, kerana kecil-kecil lagi sudah khatam kitab. Hasil penat lelah mak menghantar aku mengaji dengan jiran.

Aku berani katakan bahawa setiap yang duduk di dalam kelas ini mempunyai sedikit asas sekurang-kurangnya. Tidak sukar bagi mereka untuk memahami apa yang dituturkan oleh pensyarah di depan itu. Hanya aku yang terangguk-angguk dan tergeleng-geleng mencari makna. Terkial-kial apabila ditanya. Tetapi aku ini jenis yang bukanlah mudah menyerah kalah. Itulah antara sebab aku berada didalam kelas bahasa arab ini.

Hidup sebagai punk/hc ini kadang-kadang terlupa pada akar umbinya.

* * *

AKU TUAN DAN ENGKAU KULINYA

Memang. Kalau sudah menggelarkan diri itu sebagai penulis blog, apa-apa saja boleh ditulisnya. Pantang ada perkara yang dirasakan lain daripada norma hidupnya, ke medan bloglah yang menjadi tempat luahan. Mahu kira baik atau buruk itu belakang cerita. Yang penting sesuatu itu dapat diluahkan. Itu alternatif bagi mereka yang tidak suka bersuara seperti aku. Sebab aku tahu, bila aku bersuara memang ramai yang akan tarik muka. Walaupun sekelumit ayat pun tak terucap lagi dari bibir aku ni. Senang, aku lebih suka membatu. Anggukkan sahaja bila aku rasakan ia benar. Atau geleng kepala bila aku tahu ianya tidak sehaluan. Mudah.

Sejak diberi peluang untuk menguruskan projek dinner ini, otak aku semakin lembap untuk berfungsi. Penat seharian berulang-alik ke sana sini membuatkan aku jadi semakin malas. Malas itu ini. Kalau boleh mahu semua benda datang menyembah kaki memberi khidmat. Sebolehnya juga mahu menggaji amah dari seberang sana atau mungkin berdoa kepada tuhan agar diturunkan bidadari sebagai pembantu setia. Biarlah berbayar sekalipun. Tetapi itu yang aku imajikan, dan memang itulah sahaja yang aku mampu buat masa ini.

Ini satu revolusi. Revolusi yang aku dan kawan-kawan lain ingin cipta ini bukan mahu menunjuk siapa gah dari siapa. Atau siapa boleh pijak siapa. Revolusi ini berat. Beratnya bukan disebabkan banyak. Beratnya disebabkan pemikiran orang yang berada di dalamnya. Ortodoks, tertutup kata kawan aku. Aku mengangguk. Biarkanlah dia yang bersuara.

Tetapi bila nama aku dicalonkan, aku mula mengeluh panjang. Kenapa nama aku? Dan kenapa tidak orang lain yang lebih tinggi komitednya? Aku mula menidakkan suara umum. Aku mula terbayang kecaman-kecaman pedas yang akan dilemparkan ke muka aku nanti. Tetapi

disebabkan tidak mahu pisang berbuah kedua kali, aku anggukkan juga kepala tanda setuju. Pedulikan!

Aku mula faham. Selama ini aku harap engkau dan engkau harap aku. Dari satu semester ke satu semester, semuanya mahukan datang disembah. Mahu jadi raja. Beraja dimata bersultan dihati. Mahu dilayan bagai darah kerabat tetapi dalam masa yang sama suka mempersoalkan dunia. Itu kerja yang boleh buat orang sakit hati. Jadi sekarang siapa mahu jadi bebas daripada kepompong? Siapa mahu mengorak langkah? Siapa mahu jadi penggerak kalau semua berkehendakkan darah diraja?

Kuasa itu mutlak, tetapi mutlaknya terbatas. Melihat senarai nama yang dicetak, aku diletakkan di kedudukan paling tinggi. Bergelar pengarah. Sudah boleh mengarah atau sudah boleh mematikan arahan orang lain. Kuasa ditangan aku dan kuasa harus tunduk dibawah telunjuk jari aku. Aku tuan dan engkau akan jadi kulinya. Engkau harus patuh. Atau balasan akan menanti. Itu kata-kata hitam. Kalau diikutkan katanya, maka dunia akan mengecam aku dan laju memaki. Gila kuasakah aku?

Slow talk? Cakap perlahan? Aku sudah usahakan. Semuanya mencebik bila aku menerangkan perkara sebenar. Aku bukannya seorang yang suka membuang masa menjual muka menagih ihsan untuk meminta engkau buat sesuatu. Aku mahukan kerjasama. Aku mahukan pemikiran terbuka. Aku mahu engkau berubah fikir sekarang. Harus bersaing dengan department-department lain yang semakin berpesta dengan aktiviti mereka. Kita apa ada? Duduk dan tengok sahaja. Rasa menyampah engkau maki atau menjuih bibir atau tanam benih benci dalam hati. Dosa pun bertambah. Atau rasa kosong? Buat pekak dan tuli?

Sesungguhnya merubah perangai sepuluh ekor biri-biri itu lebih senang dari mengubah pemikiran seorang makhluk berakal macam aku.

* * *

HOSPITAL

Hospital. Tempatnya untuk orang sakit. Tak kiralah sakitnya segala macam sekalipun. Itu yang aku tau kerana itu apa yang cikgu aku ajar. Tak pernah pulak disebutnya selain daripada itu. Hospital jugaklah antara tempat yang paling aku suka pergi. Perginya aku ke situ bukan untuk beratur panjang meminta ubat atau terlentang di atas katil sambil dikelilingi oleh misi-misi yang tak tau berdiplomasi, tetapi atas tujuan ziarah. Ziarah sesiapa yang aku kenal. Tak kenal pun aku ziarah jugak. Ataupun duduk di suatu tempat dengan mata liar memerhatikan apa yang berlaku disekeliling.

Rasanya bukan semua orang mampu duduk di hospital selama mana. Rimas. Jemu. Hidup dipantau dan diawasi. Nak buat itu ini pun tak boleh. Bagi orang yang datang melawat pun sama. Rokok dalam poket pun boleh jadi lemau kalau dah lama terperam dalam poket. Kena akur dan patuh pada arahan. Jadi ramai orang fikir bahawa hospital bukanlah tempat yang seharusnya dijejakkan kaki. Bukan tempat nak berhuha-huha. Ini jugak tempat yang harus diubah emosi. Berpura-pura atau emosi itu datang semulajadi. Datang pun jika ada kesempatan. Jika tiada masa, tiadalah akan perginya. Apa nak buat kalau semua orang hidup berlandaskan kepentingan sendiri.

Sejak dari kecil, aku dimomokkan dengan rumah mayat. Bukan sahaja orang yang terdekat, bahkan apa yang aku nampak di ruang jeda (thanx nazirah untuk kata-kata anda) tv pun masih memomokkan aku. Takut dengan rumah mayat. Itu bukan satu cerita rekaan. Terfikir aku kenapa rumah mayat diletakkan begitu jauh dari bangunan-bangunan hospital yang berdiri megah? Sebab penghuninya tidak bernyawa agaknya. Takut nanti berubah jadi hantu. Hantu yang boleh mencekik engkau dan aku. Malam hari siapa mahu pergi ke rumah mayat? Sila angkat tangan.

Suasana di hospital kebiasaanya tenang. Menyeramkan bagi mereka yang sukar menerima hakikat. Itu apa yang mereka nampak dan dengar. Mereka yang jarang-jarang datang berkunjung. Bagi mereka yang saban hari di situ mesti sudah lali dengan suasana itu. Mendengar suara pekikan pesakit. Menjerit apabila doktor muda ingin memberikan dos suntikan ke lengannya. Menjerit apabila tidak

berkenan di hati. Menangis jika sedih dan mengerang ketika sakit. Mahu melihat 1001 emosi di dunia, aku rasa hospital adalah pentas terbaik bukannya pentas teater yang hanya tahu melakonkan. Kadang-kadang ketawa dan sinar itu masih ada bilamana ada pesakit yang disahkan sembuh dan dibenarkan pulang. Pulang dan kembali menjalani kehidupan normal. Normal macam siapa? Macam engkau dan aku

Memang benar apa yang dikatakan oleh alone, jika kita sedih kita semakin hampir dengan-Nya (perbetulkan diriku kiranya silap). Atau mungkin sekali aku akan ubah sedikit: jika kita sedih, kita 'baru nak hampir' dengan-Nya. Sepetang di hospital memang menginsafkan jika datang dengan hati yang terbuka. Datang untuk melawat dan untuk memasuki dunia baru; dunia di mana penghuninya bergelumang dengan sakit penat. Tanpa diduga kadang-kadang hati ini aku meruntun melihat saat apabila makhluk yang tegap berjalan selama ini longlai di atas katil cuma berserah. Berserah pada takdir ilahi. Mungkin esok lusa kita berharap akan dapat keluar dalam keadaan sembuh, atau mungkin esok lusa juga kita akan keluar sambil diusung di atas pembaringan. Siapa tahu nasib antara engkau dan aku.

* * *

BULAN

Semalam aku mimpi naik ke bulan. Jarang hidup aku ni nak bermimpi baik. Ibarat sang puteri dalam dongeng kayangan. Kebiasaannya memimpikan benda-benda yang tak masuk akal. Dan kebiasaannya jugak aku mimpi sebab terlalu nyenyak bukan sebab tak basuh kaki. Tidur tengah hari gegat macam aku pun boleh mimpi kadang-kadang tu. Tapi mimpi yang satu ni menyeru aku untuk mencari tafsirnya. Hati kecil ini mula bertanya. Kenapa nak pergi bulan? Dan kenapa mesti bulan?

Masa-masa kecik dulu bila aku nangis mak ajar sebut 'wa wa wa bulan' sambil tunding ke bulan. Katanya dia buat begitu untuk kurangkan aku menangis. Nak meralitkan aku. Tapi kalau sekarang ni aku menangis mak buat macam tu lagi tak?

Sejarah orang naik ke bulan bukannya senang. Sampai ada yang mati. Aku senang, mimpi ke sana berkepakkan tangan. Takde kepak bidadari, takde roket di kaki dan doremon tidak datang membantuku. Aku cuma perhatikan satu kawasan di bulan, badan aku mula terapung dan terbang ke sana. Mimpi ini membawa aku ke suatu dunia imaginasi yang aku sendiri tidak pernah menyangka. Walaupun sesetengah orang itu sudah menganggapnya normal semata-mata.

Hadirnya bulan menyirami gelap malam. Kenapa tuhan tak serlahkannya waktu siang? Kerana cahaya matahari lebih kuat mengatasi. Lalu bulan pun tenggelam disebalik sinar matahari. Walaupun kadang-kadang itu bulan terlindung dibalik kapas-kapas awan. Mendiamkan diri menunggu waktu. Bila dah malam baru orang sibuk nak cari bulan…

Bila orang tengah asyik dilamun cinta, bulan wujud sebagai simboliknya luahan. Sama ada lagu atau karya cinta. Alasannya satu: sebab cahaya bulan sangat cantik. Tenang dan membawa 1001 erti. Yelah, tika itu semua benda sendirinya akan jadi cantik di mata sang pecinta. Aku tak nafikan.

Bulan tak boleh hidup sendirian. Tanpa matahari, mungkin sampai sekarang orang tak akan kenal bulan. Sungguh aku cakap. Dan begitu juga manusia. Saling memerlukan seadanya.

Cahaya bulan taklah seterang mana. Tapi bagi orang yang tau menghargai baginya cukup terang. Sesat dalam hutan, berpandukan cahaya bulan besar kemungkinan dapat menemui jalan keluar. Jugak dapat kurangkan sifat pengecut bagi orang yang takutkan gelap. Spotlight pun tak mampu suluh sume tempat sekaligus macam bulan buat. Mana boleh beb.

Daripada bulan orang buat kiasan, buat peribahasa. Muka bulan katanya untuk orang yang banyak jerawat. Bulan gelap pulak untuk golongan yang berkulit macam aku. Bagai bulan dipagari bintang

memang nyata aku bukan tergolong sebab ianya untuk orang cantik-lawa.

Adakah selepas ini sang bulan akan menjemputku dalam lena?

* * *

THAVANESAN SI ATENDAN MINYAK

Meter minyak yang terpamer itu seolah-olah marah. Mengeluarkan cahaya merah. Hanya aku yang tahu siapa yang menghabiskannya. Raba dalam poket jumpa duit lima ringgit. Belen petang semalam. Nak tak nak, aku gagahkan jugak merempit ke pam minyak. Walaupun ketika tu hujan baru menghabiskan sisa. Abah pengguna setia jenama bp, jadi aku turutkan aje pesannya. Sebelum melangkah turun aku dah pasang niat awal-awal. Mahu singgah ke rumah Mex Combax. Membincangkan tentang band projek kami nanti. Merancang mahu membeli kelengkapan sendiri.

Sampai ke pam minyak, ada seorang atendan India yang jaga. Aku tak ambik pusing sangat sebab aku mahu cepat. Sehinggalah suara atendan itu menegur aku. Katanya dia mengenali aku. Satu sekolah. Sama-sama dibenam ke dalam kolam ikan. Merasa minum air lumut kaler hijau. Berperisakan tahi ikan kap Jepun. Aku syak dia masih ingatkan aku sebab aku seorang yang boleh dianggap hero masa tu. Hero sebab akulah makhluk pertama yang dibenam oleh cikgu disiplin.

Berbanding dengan anak India lain, prestasinya agak corot. Ditambah pulak dengan seorang yang kuat menakal, penampar dengan segala jenis pukulan cikgu disiplin tu semua memang mainan dia. Nasib tak remuk je segala tulang-belulang mamat ni. Itu dari sudut perangai. Dalam kelas, masalah utama dia ialah berbahasa omputih, jadi tak heranlah cikgu Haslinda (aku ingat lagi nama cikgu ni) banyak luangkan masa membetulkan lidah dia. Cikgu yang mengajar tu pulak teramat cantik. Sial, aku pulak yang naik jeles tengok.

Dulu selalu jugak aku nampak kereta kuning datsun ibunya lalu-lalang di depan rumah. Berulang alik ke hospital disebabkan syif yang tak

menentu. Ayahnya entah kemana. Aku banyak tau pasal keluarga dia dari mulut member-member lain. Dah lama aku tak nampak kereta kuning tu, kereta yang selalu datang ke sekolah untuk menemankan ibunya 'bertemujanji' dengan cikgu disiplin. Sebab itu mulut aku sedikit cabul nak tanya. Bertanyakan sama ada ibunya masih sihat atau tidak. Dan dia terus tukar topik. Macam ada sesuatu yang nak dirahsiakan. Aku tak suka nak paksa orang dalam situasi macam ni. Bila aku sedar tokey pam minyak tu macam nak usha dia buat keje ke tidak, aku cepat-cepat menyetat motor. Aku hulur duit lima ringgit tadi dan merempit pergi tanpa mengambil belen. Aku harap belen tiga ringgit tu diambilnya. Buat beli rokok atau apa-apa yang mampu dibeli dengan nilai sebegitu.

Sepanjang perjalanan aku asyik berfikir, apa dah jadi dengan hidup member aku seorang ini. Walaupun dia datang dari ras dan agama yang berbeza, ia tak mampu membuatkan aku untuk melupakan seorang sahabat. Ketika di sekolah rendah jurang perbezaan diantara kami tidak wujud, sama-sama berkongsi bekalan maruku yang dibuat oleh ibunya. Tetapi bila naik ke sekolah menengah masing-masing dengan urusan sendiri. Itu aku tak boleh nak salahkan sesiapa. Aku cuma berharap yang dia tak jadi macam anak India lain. Yang kurang berpendidikan dan sibuk memegang botol todi. Selebihnya pandai-pandailah dia nak jadi apa…dan aku terus mengharap. Mengharap pada sesuatu yang tak pasti.

Dah masuk simpang rumah baru aku ingat kat Mex Combax.

* * *



BAB AIYA

BAS, REALITI DAN TABIAT

Dalam tipon bimbit tu ada banyak sms rentetan peristiwa penting dalam hidup aku. No tipon toksah cerita. Last aku back-up bulan 9 ari tu. Tapi sepanjang hari raya baru-baru ni banyak entry baru. Termasuk member-member masa sekolah dulu semua dah bagi no tipon baru kat aku. Takkan aku nak pegi apply no tipon kali ke dua?

Bab 4

Guruh di langit

Time tu aku dah flashback semua orang yang duduk kat sekeliling aku tadi. Drebar bas tu pun ada jugak kenal 2-3 orang. Kalau ye pun tipon aku jatuh, bagitau la, jangan curi. Aku ada macam-macam cara nak susahkan hidup orang lain, tapi mencuri bukan cara aku. Inilah yang menjadi primary reason hangin aku semakin mendidih. Kali ni kalau aku tak jumpa balik tipon bimbit aku tu, aku akan pastikan Syarikat Bas Lin Siong tu ngan semua pengguna-pengguna dia ngan semua warga Lipis ni akan bermandi darah!

Bab 5

Menarik Benang Di Tepung

Lepas tu aku try tipon nombor aku tu, ada ringing, tapi takde orang angkat. "Kalau berani angkat la tipon tu! Kita setel cara kasar pun takpe" getus hatiku. Banyak kali jugak aku try tapi tak angkat. tetiba baru aku teringat yang tipon aku tu kena bukak slide dia kalau nak jawap tipon. Tak boleh jawap pakai tekan button je. Aku rasa kali ke 8 baru ada orang angkat,

"Heloo asalamualaikum..."

Mak aih, lembutnya suara!

Bab 6

Konfrontasi

"Saya nampak tipon tu atas lantai. Saya ambik la"

"Abis tu tak tanya langsung sapa punya? Main ambik je!"

"Saya ingat nak ambik dulu, kendian baru cari tuan dia bila turun dari bas nanti. Mana tau tuan dia dah turun. Awak jangan ingat saya saje je ambik nak curi ke apa. Saya puas cari no tipon awak dalam tipon ni nak kontek untuk pulang balik"

"Dah itu tipon saya, macamana awak nak tipon saya kalau tipon saya pada awak!?"

"La.. manalah tau saya boleh kontek makwe awak ke, anak awak tu bagitau tipon ni ada pada saya. Saya takde niat langsung nak curi tipon ni."

"Hmm.. saya paham niat awak. Saya ucapkan terima kasih la atas kemurnian hati awak ni. Kalau orang lain jumpa, saya yakin memang takkan jumpa dah tipon ni. Time kasih yekk?!"

"Sama-sama. lain kali jaga-jaga la pegang tipon tu."

"Ini kad saya. Lain kali kalau senang tipon la saya. Saya belanja makan mee kari"

":)"

Epilog

Aku rasa sangat bertuah sebab awek tu yang jumpa tipon aku. Dan dia jugak berani jumpa aku nak bagi balik tipon tu. Semangat macam ni lah yang kita mahu sebenarnya. Di mana aku akan sentiasa mencurigai semua orang, masih ada sebilangan yang hati mulia macam awek ni. Aku tak sempat tanya nama dia. Dan kalau dia baca

ni, aku nak ucapkan banyak-banyak terima kasih la sebab pegang tipon aku. Sampai skang tipon aku wangi lagi.
Kalaulah semua orang bersikat amanah dan bertanggungjawap macam awek ni, kita semua akan hidup aman sentosa takde masalah.
Tapi jangan harap la...

* * *

TRAGEDI LEMANG HUSIN

Kitaorang memang takde harapan nak bakar lemang sendiri. Jadi kitaorang amik inisiatif untuk order je lemang barang sebatang dua. Husin dah bertahun-tahun freelance bakar lemang secara komersil. Jadi Mum aku pun berhasrat nak order kat Husin ni, tapi pada masa yang sama kitaorang tak tau langsung pasal track-record Husin punya bisnes ni.

Malam sebelum raya aku pun merempit ke rumah Husin untuk amik lemang yang kitaorang order. Time tu dia tengah pedih-pedih mata bakar lemang. Bila dia nampak je aku, terus dia amik lemang yang kat atas api tu, packing dan bagi kat aku.
"Eh dah masak ke pakcik?"
"Mesti la dah masak. Saya ni pro!"
Tetiba bini Husin, Makcik Mah mencelah,
"Ahh awok ni Amin, macam tak tau je, suami aku ni memang pro bahagian lemang-lemang ni. Mana pernah dia bakar lemang tak masak!"
"OK fine..."

Sampai je kat umah aku tak sabar-sabar nak pekena lemang yang baru aku ambik tu. Kebetulan Mum baru selesai masak rendang ayam. Tanpa berfikir panjang lagi aku pun belah lemang tu. "Aik... putih semacam je lemang ni!" getus hatiku. Tapi memandangkan aku dah kemaruk sangat, aku pun pulun je semacam. Tengah syok pekena lemang Mum datang. "Wei lemang ni tak masak ni. Tak nampak tu putih je"

Pagi raya aku diserang cirit birit yang serius. Setiap kali aku terpaksa merempit ke tandas aku menjerit, **"DAMN IT HUSINNNNNN!!!!"**

* * *

BERLAWAN DENGAN JABATAN PENDAFTARAN

Hari ni aku tak menjalankan 'Berlari Untuk Ketenangan' sebab aku ada agenda lain yang lebih penting. Nak pegi buat IC baru mesti kena smart tahap nak pegi interview punya sebab gambar yang kat dalam IC tu akan menjadi identiti kita buat satu tempoh masa yang panjang.

Aku tau agak terlewat untuk aku menunaikan *tanggungjawap* ni, sebab dah lama dah orang suh buat MyCard ni. Maklumlah, aku terlalu sibuk membuang masa.
Pepagi aku dah bersiap dan mengenakan pakaian formal yang jarang-jarang sekali aku pakai. Rasa macam nak pegi interview pulak. Bila dah siap wangi-wangi, aku terus menuju ke Jabatan Pendaftaran dengan penuh bersemangat.
Bila keta aku lalu je depan Jabatan Pendaftaran tu...

"Orang ramai tak ingat. Melimpah-limpah. Ada yang tersepit kat dinding, makcik-makcik 'mintak nyawa' kena himpit. Kanak-kanak menangis. Ada yang menyelamatkan diri dengan memanjat ke atas kipas, atas meja. Ada yang kena pijak. Awek-awek menjerit merayu pertolongan dari aku. Ada yang masuk dalam tu hajat nak jalan-jalan je, tapi tak dapat keluar. Suasana hiruk pikuk. Hujan lebat dan langit gegak gempita laksana hendak runtuh. Cermin depan Jabatan Pendaftaran tu seolah-olah nak pecah kerana tak dapat menampung orang yang sebegitu ramai. Haiwan-haiwan ternakan semua lari bertempiaran. Pokok-pokok tercabut dari bumi dan berterbangan tanpa haluan. Pontianak dan jembalang mengilai-ngilai. Harimau mengaum kelaparan. Dah la pejabat tu kecik je. Penuh dengan darah dan keringat mereka yang berjuang untuk membuat MyKad."

"Kalau awak malas nak buat MyKad tu, cakap je. Jangan nak buat alasan. Nanti kena denda baru padan muka awak." - mak saya

* * *

KEPAK AYAM MADU

Tak berapa lama dulu Kuala Lipis dikejutkan dengan satu hidangan istimewa kat RapiShop (Kedai mamak) iaitu kepak ayam madu. Makanan ni menjadi sangat popular di kalangan pekerja-pekerja lombong dan mereka-mereka yang baru balik dari pejabat.

Perusahaan kepak ayam madu ni dijalankan oleh En.Hasan. Dia menumpang kedai RapiShop ni untuk berniaga. Berasal dari Sabah (yang popular dengan kepak ayam bakar), bapa kepada 2 cahayamata ni telah menempa nama sebagai kepak ayam yang paling champion sekali kat Lipis ni. Biasa dia bukak time 3-4 petang. Dan menjelang pukul 6pm, semua supply dia dah habih. Orang berebut-rebut beli.

Kepak ayam dia toksah cerita. Berkilat-kilat dipanah matahari. Di bakar sampai keperang-perangan dengan aroma yang menusuk. Dihidangkan dengan sepiring sos istimewa (agak cair dan manis). Menjadikan kombinasi pencicah yang paling ideal untuk kepak ayam dia ni.

Kepak akan dipotong di bahagian sendi menjadi 2 bahagian. Biasa aku balun drummet dia dulu, baru pekena wing dia sebagai jurus finishing. Memula korang patahkan hujung sayap tu. Gigit-gigit dengan manja, kendian progress ke bahagian yang tertinggal tadi. Bahagian ni ada 2 batang tulang. Seluk ke dalam daging yang empuk tu (pakai jari), dan keluarkan tulang yang pertama (mana-mana satu pun boleh). Time ni kulit dia dah terkoyak dan menampakkan isi yang putih dan berasap kepanasan. Nanti! Jangan masuk mulut lagi! Cicah kat pencicah dia sampai hati korang terharu menengok keputihan isi ayam yang empuk tu dicemari dengan merah pencicah istimewa tu. Pastikan pencicah tu meleleh, baru stylo. Pegang hat hujung tulang yang tertinggal tu. Kendian macam biasa, pejam mata pelan-pelan... masuk dalam mulut, tarik tulang tadi (hanya tulang je keluar, isi tinggal dalam mulut) dan kunyah. Pada peringkat ini tidak mengapa untuk mengalirkan air mata. Semua orang pun macam tu.

Dan yang paling penting, harga kepak ayam dia ni hanyalah RM1.20 (masa mula bukak dulu RM1.00).

Tetapi itu semua tak lama. En.Hasan telah diserang penyakit yang misterius. Dia jarang bukak gerai kepak ayam dia. Ramai yang kecewa. Last-last dia stop. Ke mana haluan En.Hasan ni kitaorang tak tau. Dengar cerita dia dah balik Sabah.

But we have'nt seen the last of Kepak Ayam Madu. En.Hasan sempat menurunkan ramuan istimewa dia kepada RapiShop. Lalu RapiShop telah mengupah seseorang lain untuk menjual kepak ayam madu di kedainya.

Namun, rasa dia dah takde 'kick' sebagaimana En.Hasan buat. Dah tak pure. Takde feel. Teknik dia bakar pun macam lari tune sikit. Tapi rasa ramuan En.Hasan tu tetap ada. Cuma feel je dah hilang.

Sampai skang ni, En. Hasan masih MIA (missing in action). Waima ada makcik try buat kepak ayam bakar jugak kat tempat dia dulu. Tapi kepower-an dia tak setanding dulu. En. Hasan, we miss you…

* * *

MENCERNA KEYAKINAN DIRI YANG POSITIF

Zaman kegemilangan aku kuat travel dulu, aku selalu pekena buang air kat tandas awam. Tandas awam ni ada macam-macam jenis. Ada yang wangi, ada yang cantik bersih dan tak kurang jugak yang bau macam ular.

Selalu tandas awam mesti penuh ngan orang. Nak-nak tempat hotspot macam stesen bas. Nak buang air pun kadang-kadang kena tunggu sampai 20 minit. Itupun kalau tak kritikal. Kalau time kritikal tu, nak buat macamana? Biasanya aku akan bersabar sampai turn aku. Sebab sebagai pengguna perkhidmatan bas yang tegar, aku pasti bisa manahan panggilan mesra alam hingga ke saat yang terakhir. Tapi fokus aku hari ni adalah kepada buang air kecil.

Sebelum ni aku sanggup tunggu sambil kepit-kepit kaki padahal menatang kencing berdiri tu ada kat tepi. Cikgu aku panggil mende tu male urination. Tak kisah la apa jaddah nama dia. Masalahnya aku takde keyakinan diri untuk pekena kencing kat situ. Mana tau ada

orang pakat-pakat sekodeng nak nengok $%^$& aku. Lagipun kalau ada orang kat tepi-tepi memang susah nak kencing. Pasal psikologi jugak ni. Korang pun aku yakin ada jugak mengalami masalah ni.

Lama-kelamaan aku sedar kepentingan bagi aku untuk mampu kencing kat menatang tu. Mana tau nanti bas berhenti kejap je, tapi orang ramai tunggu turn. Mana tau nanti ada emergency yang betul-betul memerlukan aku gunakan menatang tu. Akhir-akhir ni aku training kencing kat situ. Memula memang haram tak boleh pegi punya. Nak-nak ada orang kat belakang. Walaupun orang tu buat rilek je tak menunjukkan tanda-tanda nak sekodeng, tapi dia tak boleh gi jugak. Kendian aku memujuk diri aku, kalau orang tu nak sekodeng pun, apa yang dia dapat? Sama-sama laki. Dia pun ada #%$&^ jugak. Nak nengok orang punya buat apa? Lain la ada kamera. Kalau macam tu maka I'm free to kick his ass la. Bab masalah psikologi tadi, aku rasa kalau dah nak kencing tu buat apa nak malu-malu? Semua orang kencing jugak. Tapi bab ni lah yang paling susah aku nak atasi. Ia memerlukan kosentrasi dan daya tumpuan yang tinggi. Lama-kelamaan aku berjaya jugak

Sekarang, tak kira tandas mana, kalau aku nak kencing, aku akan dengan konfiden menuju ke male urination tu, bukak zip, dan terus shhh... Hidup aku skang ni menjadi lebih mudah dengan adanya skill baru aku ni. Aku tak perlu lagi kepit-kepit kaki nak tahan kencing kat tandas awam. Aku sungguh bangga dengan kemahiran baru aku ni. Aku rasa normal macam orang lain jugak. Dan yang paling penting, skang ni aku tak takut lagi dengan penggilan mesra alam. **Bring It On!!**

* * *

RELIVE THE MEMORIES

Aku tau hari ni akan chaos dan aku terpaksa merempit kesana-sini sebab hari ni aku akan berangkat ke Bentong. Sebab tu awal-awal lagi aku dah mendapatkan sarapan yang berkhasiat. Hari ni aku pekena minum kat Restoran Tai Choong. Padahal tak penah-penah aku gi minum sini. Walaupun restoran cina, tapi semua kakitangan dia orang melayu.

Restoran ni corner lot kat tengah-tengah bandar Lipis ni. Antara restoran-restoran otai yang dah lama bertapak. Seingat aku sejak awal dunia lagi dah. Masa mula-mula bangunan tu didirikan, terus je restoran ni bukak. Kipas, suis kipas, meja kerusi dan semua peralatan dalam kedai tu sepatutnya dah hantar masuk museum. Aku order roti kukus - 2 keping 'roti paun' yang dikukus dihidangkan dengan sepotong mentega beku dan sedikit kaya homemade. Mem-pekana hidangan seperti ini, yang aku tahu orang 50 tahun yang lalu pun pekena mende yang sama jugak, cukup membuatkan aku terasa satu perasaan 'old-school' yang manarik. Rasa macam zaman 50an dulu.

Roti paun kukus tu dihidang dalam keadaan panas yang berasap. Bila kita calit mentega beku, ia akan terus mencair dan menyerap menusuk ke dalam rongga roti tu. Belum boleh suap masuk mulut lagi. Kendian kita sapu pulak kaya homemade dia tu sampai meleleh-leleh. Lepas tu pejam mata kuat-kuat, baru suap dalam mulut. Pehh... Menangis beb...

Kendian aku merempit ke stesen bas untuk membeli tiket ke bentong pukul 1.00pm. Benti je keta kat depan kaunter tu, terus ada sorang pakcik ni approach keta aku.
"Awak ni anak Ma Kampung Lalang kan?"
"Ha'ah pakcik" (time ni aku salam)
"Pakcik pegi hospital ni tadi. *Uhuk uhuk*..(batuk) Boleh tak hantar pakcik balik?"
"Balik mana?"
"Balik Kampung Lalang. Pakcik tak daya nak naik bas..."
Aku dalam hati:
"Hishh pakcik ni kang... Orang dah lambat ni. Nak balik bas pukul 1. Mana sempat. Minyak keta pun takde ni. Bukannya dekat Kampung Lalang ni. 16 batu pegi balik..."
"Boleh *uhuk uhuk*... boleh tak...?" tanya pakcik tu lagi.
Kesian pulak aku nengok pakcik ni. Lagipun bukan orang lain. Orang kampung aku jugak. "Aa... boleh. Pakcik tunggu jap aa... *saya beli tiket bas kejap*"

Kendian akupun merempit menghantar pakcik tu ke kampung aku. Sampai kat umah dia.

"Terima kasih ye hantar pakcik. Nah, ganti minyak keta..."
Bila aku nengok duit yang pakcik tu hulur, bayangan...
-Mexican Chicken Hotel Centerpoint yang dah lama aku mengidam nak pekena
-Kad topap
-Drumstick Zildjian 5B
-Rokok Kent9 sekarton
-Kepak ayam madu 46 bijik
...silih berganti dalam fikiran aku.

"Tak payah la pakcik. Saya ikhlas hantar ni..."
"Jangan la macam tu, pakcik pun ikhlas jugak nak bagi awak ni."
"Tak payah... banyak sangat ni..." kata aku sambil *ambik* jugak duit tu.

Kampung aku ni jenis yang jauh masuk ke dalam. Bas pun lalu sampai simpang je. Dalam perjalanan kuar aku terserempak pulak ngan makcik jiran aku masa aku duk kat kampung ni.
"Weh! Datang maneh?"
"Aaa... Amin rupanye, datang bando ni tadi. Nak balik ke umah dah ni"
"Jalan kaki?"
"Ha'ah"
"Papalih jauhnye. Moh la saya hantor..."

Kendian sekali lagi aku masuk ke dalam kampung. Makcik ni duduk kat sebelah umah aku time aku duduk kampung dulu. Masa aku kecik-kecik dulu, bila aku ter-stray main samapi ke umah dia, dia mesti panggil aku masuk dan ajak aku pekena nasik. Tak kiralah pukul berapa. Mesti dia ada stenbai nasik. Dan dia akan pastikan aku makan kenyang-kenyang.

Bila sampai umah dia, dia ajak aku masuk. Sebab ada mende nak kirim kat mak aku. Bila dah terlanjur masuk tu, apa lagi... Pekena nasik la jawapnya. Orang-orang kampung macam makcik ni selera diaorang tak di-spoil lagi dengan makanan-makanan yang 'banyak ajinomoto' macam yang kita biasa makan kat bandar ni. Semuanya simple. Dia hidangkan aku sambal jering ngan ikan masin. Itu jam tangkap nangis punya aku makan. Pepalih best. Dia insist aku untuk tambah lagi nasik padahal aku dah 3 kali tambah. Dah kenyang tahap maharaja dah ni.

Aku balik dari kampung halaman aku sebentar tadi dengan perut yang kenyang tak ingat. Dan siap ada tapau sambal jering untuk mak aku. Dan aku tak perlu rushing lagi sebab aku dah awal awal beli tiket bas pukul 3pm.

* * *

JANTAN TAKDE ****

Ekslusif (tak pernah publish kat blog)

Pada Hari raya 2005 yang lalu aku mengucapkan setinggi-tinggi peng-hargaan kepada kedai-kedai yang bukak pada malam raya dan jugak raya pertama ari tu. Supaya aku dan rakan-rakan bisa melepak. Kedai-kedai lain semua dah serender tutup balik kampung. Namun ada 2 kedai makan yang hardcore dan sanggup berniaga untuk memastikan kitaorang mendapat dos lepak yang secukupnya menjelang hari lebaran nanti.

Pada hari raya pertama pun kedai makan ni bukak jugak. Bagi aku, inilah pengorbanan yang paling jitu sekali. Akak yang jaga kedai makan tu begitu cantik mengenakan baju kurung warna putih. "Baju raya barangkali", getus hatiku. Waima hari raya pertama pun ramai jugak kutu yang melepak. Dah la 2 kedai je bukak kat kompleks ni. Akak tu begitu sibuk melayani karenah pelanggan. Jesteru aku memudahkan kerjanya dengan mengorder dengan jelas dan tak banyak karenah. Sebab aku paham dia mesti letih.

Kira-kira 20 meter daripada lokasi aku ada beberapa brader awal 30an tengah melepak. Gaya mereka begitu prestij, mesti keje kat kolumpo pastu balik beraya. Segak bergaya. Pakaian berjenama, jam 'bling-bling'. Remote keta berkuasa tinggi, telefon bimbit model terkini, rokok kotak besar, semuanya kat atas meja. Walaupun agak jauh dari tempat aku duduk, dan perbualan mereka sukar untuk ditangkap, namun semua orang boleh dengar kalau ada perkataan 'ribu/juta' disebut. Agaknya kalau nak sebut perkataan tu volume kena naik kot? Maklumlah kena pastikan semua orang dengar. "Aku makan komisyen je... ada la 1.5 juta…". "Projek tu untung 2 juta je apa stendet?!" Entah ye ntah tidak diaorang ni. "Ah… persetankan aje…", bisik hatiku.

Lalu aku mengubah perspektif aku kepada akak ni tadi. Yang kini sibuk ke sana kemari. Kalau dah agak-agak dia nak lalu depan aku je, secara tak sedar je aku secara otomatik mengejas rambut aku, posture duduk dan jugak cuba mengontrol jambu yang optimum. Tindakan di bawah sedar beb…

Masa akak tu lalu je depan brader 'juta-juta' tadi, sekonyong-konyong langkah dia lari tune. Lantai yang licin tu mendapat mangsanya yang pertama. Kedua-dua belah kaki di udara dan.. tebabooo!!! Akak tu jatuh terlentang di atas lantai. Brader ramai-ramai tu sampai merah-merah muka tahan ketawa. Ada yang tak tahan dan terlepas jugak hilai ketawa diaorang. Akak tu terkial-kial cuba nak bangun. Sakit lagi dah satu hal. Sayangnya aku terlalu jauh daripada akak tu untuk menghulurkan sebarang bantuan. Akak tu berusaha untuk bangun. Brader tu masih lagi giggle sesama diaorang. Itu la yang buat aku naik berang ari tu.

"Woii pukimak! Takde kote ke apa?! Tolong la dia. Gentelman la sikit. Eii bodo... harap henset je mahal!!", teriak aku (dalam hati). Patutla gadis-gadis melayu skang ni into mamat bangla.

* * *

14 HARI MENCARI HANTU

Prolog

Cite ni adalah kisah benar yang betul-betul berlaku kat aku dalam 2-3 tahun lepas. Bukanlah niat aku nak burukkan sapa-sapa, tapi sekadar pedoman dan iktibar buat kita yang masih hidup di dunia ni. Kisah ni berkisar masa aku belajar kat Kolumpo ari tu.

Bab 1

"Mana ada hantu kat sini?!"

Aku duduk kat satu apartment yang disediakan oleh pihak kolej. Time tu baru masuk, jadi aku takde niat nak menggatal tinggal kat luar. Lagipun duduk kat sini boleh pegi kolej naik bas yang disediakan oleh kolej. Jimat sikit. Ramai jugak student yang duduk kat sini. Bebudak KUIM pun ada. Pastu bebudak MARA apa tah pun duduk kat sini. Jadi apartment ni dikongsi oleh 3 buah institusi pelajaran.

Jadi macam-macam la pe'el bebudak yang kita boleh nengok. Umah ni kolej aku punya. Jadi kitaorang tak terlibat langsung ngan bayar-bayar sewa ataupun api air. Dia potong straight. Macam biasa, kalau tempat tinggal student macam ni, mesti ada cerita-cerita hantu yang timbul. Awal-awal aku masuk umah ni pun terus je dengar cerita hantu dari senior serumah. Namun ketika itu aku haram tak percaya ada hantu. Maklumlah bebudak, sekali nengok kain terbang, terus je cakap nampak penanggal. Nak-nak tempat macam ni. Diaorang saling menakutkan antara satu sama lain. Mangli ngan cerita macam ni, jadi aku buat tak pot je.

Bab 2

Krew Baru

Dalam umah aku tu, aku sorang je yang ambik course yang aku ambik tu. Orang lain semua entah hapa course dah diaorang ambik. Start masuk kelas, aku jumpa member baru. Tapi diaorang tak tinggal satu umah ngan aku. Terus je kitaorang jadi kamcing giler. Nak-nak ada satu particular group ni yang sama-sama minat muzik jugak. Aku yang baru nak berjinak ni nampak perkara ni macam satu peluang yang baik. (perkara ni banyak membantu aku dalam karier aku sampai hari ni). Jadi kitaorang pun membentuk satu pasukan kumpulan gitar rancak. Geng ni terus tak join ngan orang lain dah. Kitaorang je. Sebab orang lain semua sibuk pekena Kolumpo. Maklumlah orang kampung first time masuk bandar. Kitaorang start jamming. Bila-bila free kitaorang training kat bawah apartment ni. Bila malam kitaorang pekena menapak jauh gile ke studio jamming. Dah siap jamming mesti pekena makan nasik, jadi boleh dikatakan hari-hari aku balik lewat. Krew-krew baru aku ni semuanya duduk kat umah yang berlainan. Jadi kalau nak jumpa kena meeting kat mana-mana.

Bab 3

Budak Yang Berperangai Aneh

Kat umah baru aku ni, aku haram tak bertegur sapa ngan sapa-sapa pun. Bukan la sampai jadi sombong pulak, tapi maklumlah aku ni pemalu orangnya. Jadi aku tak banyak bercakap kat dalam umah. Lagipuin diaorang semua dah beso panjang. Aku ni bebudak lagi. Dalam umah aku banyak meluangkan masa dengar discman aku kat atas katil sorang-sorang. Nak mingle ngan bebudak umah tak ngam

langsung. Yang aku ingat kat umah aku tu ada sorang ni stail alim-alim Sheikh namanya. Pastu ada *abang sasa* ni muka sejibik macam Norman Hakin, jadi aku panggil dia Norman Hakim. Pastu ada sorang mamat "aww..." ni Wan nama dia. Yang lain-lain semua samada aku tak ingat nama diaorang ataupun aku tak tegur sampai tak tau nama. Langsung aku tak ambik tau apa yang diaorang buat. Yang jelas, time buat besday party, aku ada la menyempe sebab ada makan-makan. Pastu meeting umah, aku kena ada sebab aku pun ahli umah tu. Selebihnya masa aku dihabiskan kat luar bersama bebudak kelas aku. Ada jugak la 2-3 orang budak umah tu cuba nak bermesra ngan aku. Bukan sebab aku sombong, tapi tak ngam langsung pemikiran diaorang ngan jiwa aku. Ada tu sosial sangat, ada tu alim sangat, ada tu layan Nsync, ada tu asik nak bina badan je. Cuma Wan Aww ni je yang ngam ngan aku. Sebab dia aww jadi dia caring lebih ngan aku. Banyak mende aku rujuk kat dia. Sebab tak berani nak tanya ngan housemate aku yang lain-lain. Aku anggap dia ni all-rounder. Ngan semua orang dia ngam. Samada golongan aww ni memang macam ni ataupun dia sorang je, aku tak tau. Tapi ada sesuatu aura yang mencurigakan menyelubungi Wan Aww ni. Aku terasa seperti something...

Bab 4

Rutin Harian Saya

Pepagi aku kuar pegi kelas. Bila balik dari kelas mungkin kitaorang pekena snooker kat kolej. Pastu terus lepak umah member aku ni main gitar sampai malam. Bila malam kitaoramng kuar jamming. Pastu baru la makan malam. Pastu lepak minum sampai padat pundi kencing. Hari-hari dalam pukul 2-3 pagi jugak aku balik ke umah. Sebab tu lakadang-kadang bila aku balik umah tu, diaorang semua pakat-pakat nyanyi lagu 'Hotel California' ramai-ramai. Memang. Memang aku buat umah tu macam hotel. Aku balik hanya untuk 2 tujuan sahaja. Mandi dan tido. Ada jugak satu peringkat aku dah lupa macamana rupa paras bebudak umah aku ni. Bila diarang dah start tido baru aku balik. Time pepagi memang chaos, semua bersiap nak pegi kelas. Last-last bebudak umah aku ni dah tak macam housemate aku dah. Macam orang lain.

Bab 5

Wan Aww

Satu hari tu aku sembang ngan Wan Aww ni. Hari tu kebetulan aku balik awal. Dia tengah lepak depan pintu umah. Memula aku kuar sebab nak tipon. Tipon awam swasta tu depan pintu umah aku ni je. Tipon tu paling senang nak curi line. Lepas dail, korang masuk je duit syiling 5sen. Terus timer dia hang. Akupun time tu memang banyak buat panggilan jarak jauh. Jadi aku memang sayang kat tipon awam ni. Memandangkan aku ni nak cerita pasal hantu bukan pasal tipon awam ni, jadi aku rasa molek aku teruskan cerita aku ni. Wan Aww cerita. Time tu dia tengah kusut sebab adik dia baru lepas meninggal. Aku tanya pasal apa. Pastu dia terus story pasal adik dia ni yang sakit sejak kecik lagi. Sakit yang misterius. Macam demam, pastu meracau-racau. Dah bertahun-tahun dah. Pegi hospital, hospital cakap takde apa-apa. Pastu famili dia try berubat cara tradisional. Dia cakap entah berapa banyak dah Tuan Guru Ibrahim Mat Zin yang dia jumpa tapi tak baik-baik jugak. Bila dia jumpa bomoh, bomoh tu akan suh balik umah. Pastu malam tu kalau ada dengar apa-apa, jangan tegur. Sebab bomoh tu punya assistant akan buat kerja. Banyak la jugak bomoh yang buat stail macam tu. Sebab tu dia cite bila malam-malam, dia dengar macam-macam bunyi pelik kat umah dia. Namun adik dia tak baik-baik jugak. Last-last adik dia meninggal. Tu yang dia sedih sangat tu. Lagi power, walaupun adik dia dah takde, tapi bunyi-bunyi pelik kat umah dia time malam-malam tetap maintain ada. Aku akui bahawa aku memang seram gile masa Wan Aww ni cerita. Naik meremang roma aku. Tapi aku paling seram bila cerita yang sebab dah banyak sangat bomoh diaorang jumpa, maka banyak gile hantu aneka jenis yang still melepak kat umah dia. Dan ada jugak yang permanently attached ngan ahli keluarga dia. Termasuk Wan Aww ni.

Bab 6

Oblivious

Sekali geng kumpulan gitar rancak aku ni plan nak masuk satu pertandingan kugiran. Maka makin intense la sessi latihan kitaorang hari-hari. Kuar pepagi malam baru aku balik. Kebetulan semester tu aku takde kelas pagi. Boleh la aku bangun lewat hari-hari. Time ni bila aku balik je umah dah sunyi. Dah gelap. Semua orang dah

tido. Bila aku celik mata semua orang dah keluar pegi kelas. Hari-hari macam tu. Sampai aku naik rindu pulak nengok muka bebudak umah aku ni. Selalu nampak la jugak sekilas lalu lalang depan bilik aku. Ini takde langsung. Satu malam tu tu macam biasa aku balik semua orang dah tido. Jam pun dah pukul 3am. Bila aku start nak tido aku dengar bunyi kat dapur. Macam ada orang memasak. Periuk belanga berlaga. "Ni mesti Norman Hakim masak megi ni." bisik hati kecil aku ni. Pastu aku ingat nak menyendeng-nyendeng kat Norman Hakim ni ejas-ejas megi sikit, sebab perut aku pun agak lapar jugak ni. Aku pun bangkit dan terus menuju ke dapur. Aku nengok dapur gelap semacam je. Takde pun kelibat Norman Hakim ni. Pastu pintu bilik dia tutup. Hampeh tul. Mesti dia dapat kesan aku nak ejas megi dia. Sebab tu dia terus bawak lari masuk bilik. Sejak hari tu tiap-tiap malam aku dengar Norman Hakim masak megi kat dapur. Aku ingat, kalau aku apply pun mesti tak dapat punya, jadi aku biar je. Lagipun aku ni memang malas nak bangkit bila dah landing. Kadang-kadang tu dengar bebudak ni sembang kat ruang tamu. Tapi aku haram tak paham butir percakapannya. Walaupun aku dah pasang telinga dan dengar betul-betul, tapi tak dapat tangkap jugak. Mungkin diaorang mengumpat aku dalam bahasa rahsia. Ataupun mungkin jugak Sheikh sembang ngan member dia dalam bahasa arab ke, bahasa Tehran ke, bahasa sanskrit ke ataupun bahasa jiwa bangsa. Sebab Sheikh ni memang alim orangnya. Lagipun dia berasal daripada Sarawak. Dan paling power, kami sekampung kat kampung aku kat Sarawak sana. Masa raya tahun 2001 aku ada jugak bertandang ke umah dia kat Sarawak nun. Aku memang tak boleh nak elak daripada lari tajuk cerita ni. Aku ni nak cerita pasal hantu, bukan pasal Sheikh ni. Baik aku teruskan cerita aku ni. Yang aku herannya, masa aku balik, semua dah tido. Bila aku dah landing nak tido, barulah diaorang kuar bersembang. Mungkin diaorang memula nak tido, pastu tak dapat lelap, pastu ajak member kuar sembang.

Bab 7

Horrific Truth

Ada la dalam seminggu lebih aku tak jumpa bebudak umah aku tu. Maklumlah, aku dah la balik lewat, bangun pun lewat jugak. Mananya nak jumpa. Bila diaorang bangkit memalam nak masak megi ataupun sembang (dalam bahasa Tehran) aku dah ngantuk sangat. Time tu

ada sesuatu yang meng-heran-kan aku bila aku jumpa bebudak umah aku kat kolej. Diaorang semua sibuk ngan hal masing-masing. Sebab dah hujung semester. Jadi sekejap je aku dapat bercakap ngan diaorang.

Bila aku jumpa Norman Hakim dia tanya,
"Ko duduk lagi umah tu Amin?"
"Ha'ah"
"Waa.. ko memang power"
"Ngape pulak?"
Pastu dia blah. Tak sempat aku nak tanya.

Bila aku jumpa Sheikh dia cakap,
"Sapa lagi duduk ngan ko skang ni?"
"Haa??"
Sebab aku tak paham butir percakapan dia tu, aku terpana. Pastu dia blah.

Akhirnya kebenaran terungkap bila aku jumpa Wan Aww... (kat kolej)
"Wan, lama tak nampak ko skang ni?"
"Aku dah pindah kuar. Aku duduk ngan bebudak DSK (Diploma Sains Kompiter) skang ni"
"Ooo... patut la lama tak jumpa"
"Ko duduk umah Man kan skang ni?"
"Eh tak ah.. aku duduk umah kita tu la..."
"Umah kita tu?"
"Ha'ah pesal?"
Time ti muka Wan Aww tu dah pucat gaya macam nampak hantu. Tangan dia pun ketar-ketar hisap rokok.
"Ko tak tau ke?"
"Tau apa!"
"Bebudak semua dah pindah keluar. Wan ingat ko pun dah pindah jugak."
"Semua orang? Semua sekali? Abih tu sapa je yang tinggal?"
"Tu la pasal Wan ingat ko pun dah pindah. Jadi umah tu kosong la skang ni. Tak tau pulak ko masih duduk kat situ"

Di pendekkan cerita, Wan Aww ni story kat aku. Dua minggu lepas, pukul 2 pagi Wan Aww ni dengar bunyi kat dapur. Dia pun pegi la usyar. Tapi gelap je semacam. Dalam keadaan suram tu dia nampak satu kelibat berdiri kat depan pintu tandas. Bila dia nengok betul-betul, rupanya sorang pompuan. Rambut teknik rebonding sampai dada. Pakai baju warna putih tutup seluruh badan. Bila Wan Aww ni pandang muka dia, dia terus menyeringai. Wan Aww ni apa lagi, menjerit la sampai sakit anak tekak. Bebudak lain yang dah tido semua terjaga. Time ni semua bebudak umah aku tu nampak lembaga ni. Dia terus mengilai sambil terbang keluar ikut tingkap. Walaupun tingkap tu tutup, tapi dia meresap je keluar. Dari Norman Hakim yang berbadan sasa tu, sampai ke mamat Nsync ni, sampai la ke Sheikh yang alim tu, semuanya tak cukup tanah berlari keluar dari umah tu. Terus tak balik dah malam tu. Tido umah member masing-masing.

Hanya 15 minit lepas diaorang semua lari keluar, sekonyong-konyong aku pun balik umah. Terus tido. Macam takde apa-apa berlaku.

Punyalah terkejutnya diaorang ni nampak lembaga tu, mamat Nsync ni terus jadi macam sawan malam tu. Pastu malam tu jugak diaorang bawak pegi berubat kat seorang pengamal ilmu perubatan tradisional yang berdekatan. Bomoh tu cakap, makhluk ni datang dari jauh. Tapi dia tetiba attached ngan umah tu, sebab umah ni pernah berdarah. Maksudnya pernah ada orang mati kat dalam umah ni. Padahal makhluk tu datang situpun sebab menumpang si Wan Aww ni. Kalau nak halau makhluk ni, kena panggil tuan dia. Iaitu salah satu daripada bomoh yang family Wan Aww ni pernah jumpa sebab nak mengubat adik dia dulu. Jadi bomoh ni pun tak boleh buat apa-apa la. Pagi besoknya, sebelum aku bangun dari tido, diaorang ni semua datang balik umah tu, packing barang, dan terus pindah keluar hari tu jugak. Aku yang tak tau apa-apa ni, masih duduk kat umah tu. Buat macam biasa.

Bab 8

Now I Know

Migrasi beramai-ramai penduduk umah aku tu tak dapat aku kesan sebab takde apa perubahan berlaku. Sebab bila hari siang aku

takde kat umah tu. Bila nak tido je aku balik. Selama ni aku saspek diaorang semua dah tido, rupanya sekor haram pun takde. Semua dah pindah keluar. Pasal barang-barang diaorang yang dah takde tu aku langsung tak perasan. Sebab aku balik dah malam. Lampu pun dah tutup. Umah ni gelap gelita.

Paling horror:
Yang aku saspek Norman Hakim masak megi tengah-tengah malam, bukanlah Norman Hakim, tapi mende lain. Yang aku saspek Sheikh bersembang tengah-tengah malam (dalam bahasa yang tak dapat difahami) bukanlah Sheikh, tapi mende lain.

Jadi secara kasarnya, selama 14 hari, yakni 2 minggu aku sebenarnya duduk sorang-sorang je kat umah ni. Orang lain semua dah pindah keluar sebab ternampak hantu kat dalam umah ni. Bunyi-bunyi yang aku dengar memalam buta tu sebenarnya adalah aktiviti paranormal yang dijalankan oleh makhluk halus yang dah pun jadikan tempat tu port lepak diaorang. Bebudak nak lalu kat koridor depan umah siang-siang hari pun tak sanggup, inikan pulak malam-malam buta.

Bila aku dapat tau perkara ni aku jadi pucat. Kaget dan terkasima. Aku jadi rasa macam nak demam. Gile babi ko, dah la orang semua takut nak pegi umah tu sebab jumpa hantu, aku pulak boleh tinggal kat situ sorang-sorang. Lalu aku ambik keputusan mudah untuk pindah kuar jugak. Tapi takde sorang pun yang berani nak tolong aku angkat barang. Aku paksa-paksa baru nak. Itu pun bertolak-tolak.

Epilog
14 hari tinggal bersama hantu adalah pengalaman ngeri yang tak mungkin dapat aku lupakan. Ini satu pengajaran yang berguna buat aku. Lain kali kena beramah mesra dengan orang serumah. Dan jangan bersikap tak ambik pot pasal persekitaran kita. Peristiwa ni telah menginsafkan aku. Tapi yang penting, kita tak sepatutnya takut kepada hantu ni. Aku tak pernah lagi dengar cerita pasal orang berdarah lengan kena gigit ngan hantu. Mempercayai hantu juga boleh menyebabkan syirik. Jadi pesanan aku adalah,
Jangan biarkan hidup anda diselubungi…

* * *



BAB ZULFIKAR

SISTEM

Sistem ekonomi dunia pada waktu ini berdasarkan sistem kapitalisma. Dioperasikan sendiri oleh pemilik modal perniagaan yang mengutamakan keuntungan, persaingan dan berdasarkan penawaran dan permintaan. Nyata, kapitalisma membawa perubahan kepada dunia secara amnya dan manusia khususnya.

Mereka yang tidak mampu bersaing, akan pasti menidakkan sistem ini. Dan aku salah seorang daripada mereka yang kalah bersaing. Namun, tidaklah pula aku menidakkan sistem ini. Ada sistem lain lagi yang berkuasa membuatkan aku jadi begini - takdir.

Selepas perang dingin tamat - selepas tembok Berlin diruntuhkan, sistem ekonomi kapitalis baru mula berkembang. Usianya belumlah lagi matang dan tidak adil jika sekiranya kita menyalahkan sistem ini yang mengakibat berlaku banyak penindasan di dalam dunia pada hari ini.

Seperti keadaan aku pada hari ini, berusaha memperlengkapkan duit sewa yang tidak cukup, lantas baru sahaja aku tadi menyalahkan

sistem kapitalisma, sial! Namun, bukan itu cara yang sepatutnya.

Aku masih yakin dengan kata-kata Karl Marx, "sosialisma akan marak di negara kapitalis matang." Sama ada kapitalisme itu sendiri yang berubah menjadi sosialisma atau sosialisma akan bangkit berjalan bersama-sama dengan kapitalisma. Mungkin ada benarnya kata-kata bung Marx itu.

Inilah hakikatnya, hidup aku melarat. Hidup aku merempat, namun aku sedar di dalam Shah Alam ini keadaan aku tidak seteruk mana. Masih ada lagi yang lebih teruk daripada aku. Aku seharusnya bersyukur dan menadah tangan pada ilahi dengan kehidupan aku sekarang.

Dan cara yang ada bagi aku sekarang, yang berkemampuan ialah bangkit melakukan revolusi diri - berubah menentang sistem yang satu lagi - takdir! Hidup aku tidak akan melarat, hidup aku tidak lagi merempat! Aku akan pastikan, yang aku akan menggapai sinar.

* * *

SEBUAH TEKSI

"Makhluk tiada kuasa, Allah sahaja yang berkuasa," kata Pak Din pemandu teksi tersebut.

"Sahabat telah ditutup Allah daripada melihat suatu benda, dan menampakkannya dengan benda yang lain. Lia tahu apa benda yang Allah tutup daripada pandangan Sahabat? Orang-orang kat belakang tu, tahu?" Pak Din menimbulkan suatu soalan.

Lia cuma menggeleng, cuma menanti jawapan. Sementara Zumir dan Aku diam sahaja, cuba meneka apa jawapannya.

"Allah menutupkan mata dan hati para Sahabat daripada melihat dunia. Mereka tidak akan jatuh cinta pada nikmat dunia, mata dan hati mereka dibuka untuk melihat akhirat."

Pak Din memang rajin bercakap. Pak Din memang seorang peramah. Dan ramahnya, dan cakapnya tidak kosong. Dia berdakwah, mahu memperkuatkan Islam dalam dirinya dan masyarakat yang dia jumpa.

Pak Din terkenal di Shah Alam sebagai pemandu teksi yang banyak bercakap. Baik. Dan suka memberi pertolongan.

Pilihan Lia memang tepat. Pilihan Pak DIn sebagai teksi untuk ke Setiawangsa memang tepat. Biarpun kelindan lori barang agak gile, namun Pak Din masih boleh mengawal.

Hari ini Lia pindah ke Setiawangsa. Memulakan hidup baru di sana. Keadaan Lia seperti aku juga. Gagal dan mula berusaha mencari penghidupan yang baru. Selepas gagal, Lia sering berjumpa aku bercerita, dan mengadu halnya. Aku jadi tempat pelepas tekanan. Ya, dia perlukan teman untuk berbicara.

"Pika, lepas aku kena dismissed, baru aku kenal, siapa kawan," katanya mengadu pada aku.

Aku sedar perkara tersebut. "Bagi aku, benda ni bagai teori Big Bang. Teori kejadian alam menurut saintis barat. Bumi terjadi melalui letupan di angkasa, dan dari letupan tersebut kesemua bahan-bahan di angkasa mula bercantum pada letupan tersebut. Letupan tu seperti ada kuasa menarik bahan-bahan ini untuk melekat padanya. Jadi begitulah manusia. Manusia cuma boleh jadi manusia selepas Big Bang. Itupun selepas melalui beberapa peringkat kehidupan. Dan kita sebagai manusia yang hidup bermasyarakat, hubungan dengan masyarakat juga turut menyumbang kepada diri kita - sejauh mana kita mampu jadi manusia. Dan dalam soal kau, dan aku, Big Bang akan menunjukkan pada kita siapa yang mahu melekat dan bersama mahu menjadikan diri kita manusia. Selepas Big Bang sahaja kita mampu kenal kawan." ulas Aku panjang lebar.

Dan kegagalan banyak mengubah aku. Ya, memang ia sakit. Sakit mengenangkan apa yang telah kita lalui dan apa yang telah kita dapati. Jarang manusia boleh terima kegagalan, begitu juga aku.

Pernah aku tonton sebuah drama Korea - Present. Dalam drama tersebut seorang bapa tua berpesan pada seorang guru yang penyayang. "Kita ibarat sebatang kayu. Tuhan ibarat pengukir. Tuhan mahu menjadikan kita sebuah patung kayu yang cantik dan menarik. Jadi tuhan akan memahat kita setiap kali Dia mahu membentuk kita. Dan setiap kali ketukan, pasti akan kita rasa sakit. Namun tanpa kesakitan tersebut, kita tak akan mampu menjadi sebuah patung kayu yang sempurna," kata bapa tua itu.

Betul kata bapa tua itu, kesakitan dan kesengsaraan banyak mengajar aku erti menjadi manusia. Dan aku tahu, kesakitan yang aku alami sekarang kecil sahaja dan sedikit sahaja. Tuhan belum lagi memahat untuk mencipta bahagian telinga, jari, hidung, mata dan mulut aku. Jauh lagi perjalanan hidup, dan banyak lagi yang belum aku tempoh!

* * *

BAHASA

Aku bertutur dengan dua jenis bahasa setiap hari. Bahasa standar dan bahasa loghat. Dan bahasa aku ketika menulis juga berlainan dengan bahasa pertuturan.

